

40


*Hadith
Berkeanaan*

Ibadat Harta

Abdullaah Jalil


Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat,
USIM.

**WISDOM
PUBLICATION**



40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta

الأَرْبَعُونَ فِي الْعِبَادَاتِ الْمَالِيَّةِ



40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta

الأَرْبَعُونَ فِي الْعِبَادَاتِ الْمَالِيَّةِ

Oleh:

Abdullaah Jalil

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM),

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

WISDOM
PUBLICATION



WISDOM
PUBLICATION

WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
FB Page: Wisdom Publication
Reka Bentuk: Starline/Freepik & Public Domain

Hak Cipta Terpelihara © 2018 Wisdom Publication

Edisi Pertama
Cetakan Pertama: 28 Mei 2018
Cetakan ini: 24 April 2019

[Edisi Khas bagi pengajaran Fiqh Muamalat 1 dan Fiqh Muamalat 2, Fakulti Ekonomi dan Muamat, USIM dengan kerjasama Unit Khazanah Ilmu Turath, USIM]

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

DEDIKASI

Buat ayahanda Hj. Jalil Bin Omar dan ibunda Hapisah Binti
Ismail,

Juga buat isteri yang dikasihi: Suraiya Binti Hj Osman

Dan anak-anak yang disayangi: Abdurrahman al-Munib, Maryam
al-Safiyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa & Muhammad al-
Habib

Serta seluruh ahli keluarga

Semoga Allah menjadikan tempat pertemuan kita di syurgaNya
bersama KekasihNya

LATAR BELAKANG PENULIS

Nama	Abdullaah Jalil
Jawatan	Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Latar Belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • 1993-1995: Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang. PMR & SRA (<i>Mumtāz</i>) • 1996-1997: Kolej Islam Sultan Alam Shah. SPM & SKK (<i>Mumtāz</i>). • 2001: Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan. (Kelas Pertama / <i>Mumtāz</i>). • 2004: MBA (Perbankan dan Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. – (Anugerah Pelajar Terbaik Program). • 2019: PhD Kewangan Islam, INCEIF, Kuala Lumpur.
Industri (Terpilih)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi JK Syariah Prudential BSN Takaful • AJK Syariah, Bank Rakyat • AJK Syariah, Koperasi Kakitangan USIM • Ahli Jawatankuasa Panel Syariah USIM • Ahli Panel Penyelidik Fatwa Negeri Sembilan • Ahli Panel Syariah bagi Sistem Pengurusan Berasaskan Syariah MS1900:2014 di USIM • Panel Kepakaran bagi penyusunan Standard Program: Muamalat dan Kewangan Islam (MQA) • Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Pemasaran Wakaf USIM • Anugerah “Friends of the Police” 2012

	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli Panel Deradikalisasi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) [Tarikh lantikan: 21 April 2017] • Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (KDN) [Tarikh lantikan: 13 Disember 2018]
<p>Bidang Kepakaran dan Kajian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Fiqh Muamalat dan Aplikasinya • Urustadbir & Kepatuhan Shariah • Perbankan, Kewangan dan Ekonomi Islam • Pengurusan Masjid • Wakaf Korporat • Perancangan Kewangan dan Pengurusan Harta • Ahli Sunnah dan Jamaah • Deradikalisasi & “Counter-Terrorism”
<p>Hasil Penulisan (Buku)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. (2011) The Four Introductory Theories of Fiqh Muamalat 2. (2012) Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid 3. (2013) 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan 4. (2013) Menjawab Persoalan Agama: Konsep al-Tark dan Perkara Baru dan Baik dari Perspektif Shariat. [Siri Memperbaiki Kefahaman Agama] 5. (2013) Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir 6. (2013) Pengajian Halaqah UTH3012: Program Pensiswazahan Guru 7. (2013) Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi


Yang Terpilih ﷺ (Abdullaah Jalil, Terjemah).

8. (2013;2016) *Nusūs Turāthiyyah: Dirāsah Manhajiyyah* (Subjek *al-Halaqah*).
9. (2014) *The Four Main Contracts of Fiqh Muamalat*.
10. (2014) *Fiqh and Management of Hajj and Umrah*
11. (2014) *Arabic-English Terminology for Special Purposes in Management Studies*
12. (2015) *Miftah al-Muamalat: The Gateway to Business*
13. (2016) *40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi'i dan Fiqh Perbandingan*
14. (2016) *Sosial Sekuriti (Takaful Ijtima'i) Menurut Perspektif Islam*
15. (2017) *Quranic Index for Medical Sciences*
16. (2017) *Quranic Index for Economics, Business and Management*
17. (2017) *40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba (Dengan Ulasan dan Edit) (Abdullaah Jalil, Trans.)*.
18. (2018) *40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta*.
19. (2018) *Islamic Law of Tort*.
20. (2019) *50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah*.
21. (2019) *Natijah Fikir & Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir*.

ISI KANDUNGAN

DEDIKASI	i
LATAR BELAKANG PENULIS.....	ii
ISI KANDUNGAN	v
PENDAHULUAN.....	1
﴿ 40 HADITH BERKENAAN IBADAT HARTA ﴾.....	4
Hadith 1: al-Qur'an dan Harta adalah Dua Pintu dan Peluang Ibadat Yang Besar.....	4
1.1 Harta dan Hikmah (Ilmu/al-Qur'an) adalah Dua Pintu dan Peluang Ibadat Yang Besar	5
Hadith 2: Ibadat Harta adalah Kelebihan Kurniaan Allah kepada Seseorang.....	6
Hadith 3: Harta Yang Baik Bersama Orang Yang Baik	8
Hadith 4: <i>al-Yad al- 'Ulyā</i> (Tangan Yang Memberi) Lebih Baik Daripada <i>al-Yad al-Suflā</i> (Tangan Yang Menerima)	9
﴿ IBADAT HARTA YANG WAJIB ﴾.....	10
Hadith 5: Nafkah Bagi Diri Sendiri	10
5.1 Mulakan Dengan Diri Sendiri	11
5.2 Mulakan Dengan Keperluan Diri Sendiri.....	12
Hadith 6: Nafkah Bagi Isteri.....	14
6.1 Nafkah Bagi Ahli Keluarga adalah Sedekah (1)	15
6.2 Nafkah Bagi Keluarga adalah Sedekah (2).....	15
Hadith 7: Nafkah Bagi Anak	16
7.1 Riwayat Abu Dawud: Nafkah Anak Diutamakan Nafkah Isteri..	17

7.2: Allah Mewajibkan Syurga kepada Seorang Ibu Miskin Dengan Sebiji Tamar Yang Dikorbankan Buat Anak-anaknya	18
7.3: Kelebihan Nafkah Anak Perempuan	20
Hadith 8: Nafkah Kepada Ibu Bapa.....	21
Hadith 9: Membayar Hutang	22
9.1 Kewajipan Membayar Hutang dan Nafkah	22
9.2 Membayar Semula Hutang Dengan Lebih Baik.....	23
Hadith 10: Kewajipan Zakat Harta	24
10.1 Azab Kerana Tidak Membayar Zakat.....	25
10.2 Memelihara Harta Dengan Berzakat	26
Hadith 11: Kewajipan Zakat Badan (Fitrah)	27
Hadith 12: Perbelanjaan bagi Haji Digandakan Sebanyak Tujuh Ratus (700) Kali Ganda	31
12.1: Umrah Menghapuskan Dosa & Ganjaran Haji Yang <i>Mabrur</i> adalah Syurga	31
﴿ IBADAT HARTA YANG SUNAT ﴾	32
Hadith 13: “Jalan Allah”	32
Hadith 14: Membantu Kaum Kerabat dan Dhawi al-Arham Yang Miskin	33
Hadith 15: Memuliakan dan Membantu Jiran	34
15.1 Jangan Meremehkan / Memandang Kecil Pemberian Dari Jiran	35
Hadith 16: Memuliakan Tetamu.....	36
Hadith 17: Menyembelih Binatang Sebagai Korban (‘ <i>Aqīqah</i> dan lain-lain)	37

Hadith 18: Membiayai Penuntut Ilmu.....	38
Hadith 19: Memelihara Anak Yatim	39
19.1 Kemuliaan Rumah Yang Mempunyai Anak Yatim Yang Dilayan Dengan Baik	40
Hadith 20: Janda dan Ibu Tunggal	41
Hadith 21: Sedekah kepada Orang-orang Miskin dan Faqir serta Berhajat	42
21.1 Sedekah Memadam Kepanasan Kubur dan Menjadi Perlindungan/ Naungan Pada Hari Kiamat.....	43
Hadith 22: <i>Manihah</i> Unta, Lembu dan Kambing	44
22.1 <i>Manihah</i> adalah Amalan Yang Paling Tinggi Dari Empat Puluh (40) Amalan Kebaikan	45
Hadith 23: Memberi Pinjaman/Hutang Dan Memberi Penghutang <i>Mu 'sir</i> Penangguhan atau <i>Ibrā'</i>	46
23.1 Kelebihan Memanjangkan Tempoh dan Menangguhkan Tarikh Pembayaran Bagi Penghutang Yang Berada di dalam Kesusahan (<i>Mu'sir</i>) atau Menghalalkannya	47
23.2 Orang Yang Menangguhkan Penghutang <i>Mu 'sir</i> Mendapat Pahala Sedekah	48
Hadith 24: Memberi Hadiah atau Hibah	49
24.1 Hadiah Dapat Memupuk Kasih Sayang.....	49
Hadith 25: Sedekah Sebagai Hadiah Pahala Buat Seseorang Muslim Yang Telah Wafat	50
25.1 Sa 'd Bin ' Ubādah  Mensedekahkan Kebunnya Bagi Ibunya Yang Telah Wafat	51

Hadith 26: Wakaf – Mengekalkan Asas Harta dan Mengalirkan Manfaat dan Hasilnya.....	53
Hadith 27: Memberi Minum atau Air adalah Sedekah Yang Terbaik.....	56
27.1 Memberi Minum Seorang Muslim Yang Haus	56
Hadith 28: Memberi Makanan.....	57
28.1 Kelebihan Memberi Makanan dan Minuman	57
28.2 Memberi Makanan kepada Jiran Yang Memerlukan	58
28.3 Jamuan Makan Walimah	58
Hadith 29: Memberi Pakaian	59
29.1 Orang Yang Memberi Pakaian Berada di dalam Perlindungan Allah.....	60
Hadith 30: Membuat Kebajikan Sedekah Kepada Haiwan Yang Bernyawa	61
Hadith 31: Memerdekakan Hamba	62
﴿ TAKAFUL – BANTU-MEMBANTU DI DALAM KESUSAHAN ﴾	63
Hadith 32: Takāful Ijtimā‘ī (Bantu-Membantu Sesama Masyarakat Yang Berada di dalam Kepingin).....	63
Hadith 33: <i>Tanāhud</i> (Berkongsi Nafkah Ketika Dalam Keadaan Susah)	66
﴿ IBADAT HARTA BERKAITAN PUSAKA DAN PEWARIS ﴾.....	68
Hadith 34: Bertabarru‘ Melalui Wasiat.....	68
Hadith 35: Membahagikan Fara'id.....	69
Hadith 36: Meninggalkan Waris Dengan Bekalan Harta.....	70

﴿ IBADAT HARTA DAN HUKUMAN ﴾	72
Hadith 37: Kaffarah Sumpah (<i>Kaffārat al-Yamīn</i>) dan Nazar .	72
37.1 Kaffarah Nazar adalah Sama Seperti Kaffarah Sumpah	73
Hadith 38: Membayar <i>Kaffārah ‘Uzmā</i> Kerana Melanggar Larangan Bersetubuh Ketika Berpuasa Ramadan.....	74
38.1 Membayar <i>Kaffārah ‘Uzmā</i> Kerana Melanggar Larangan Bersetubuh Ketika Berpuasa Ramadan (B)	75
Hadith 39: Fidyah Puasa	78
Hadith 40: Qisas, Diyat Mughallazah dan Diyat	81
40.1 al-Qatl al-Khata‘: Diyah Mukhaffafah dan Kaffarah	82
40.2 al-Qatl Shibh al- ‘Amd: Diyat Mughallazah dan Kaffarah	83
PENUTUP	85
IJAZAH PENGAJIAN KITAB	86
BIBLOGRAFI.....	87
LAMPIRAN I: DOA [NAZAM] PENUTUP MAJLIS ILMU	91

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji hanyalah bagi Allah, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam. Selawat dan salam buat junjungan dan penghulu kita yang amat dikasihi lagi dihormati Rasulullah ﷺ - Saidina Muhammad Bin Abdullah – serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, juga kepada seluruh para pengikut Baginda ﷺ sehingga Hari Kiamat.

Ibadah di dalam Islam adalah satu istilah yang luas dan merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Ianya tidak hanya terhad kepada rukun Islam yang lima semata-mata. Ia merangkumi seluruh perbuatan seorang manusia, zahir dan batin, tubuh badan dan harta, kepada Allah, manusia dan seluruh makhluk, dalam semua keadaan, tempat dan masa.

Ibadah adalah salah satu daripada empat tujuan utama penciptaan manusia¹. Allah ﷻ berfirman (al-Dhariyat 51:56):

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku.”

¹ Empat tujuan utama penciptaan manusia adalah: (i) Ibadah, (ii) Khilafah, (iii) Ma’rifah dan (iv) ‘Imarah.

Allah ﷻ juga berfirman (al-An‘am 6:162-163):

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang mentadbirkan sekalian alam [162] Tiadalah sekutu baginya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku adalah orang Islam yang awal pertama yang berserah diri kepada Allah [163].”

Secara umumnya, ibadah boleh dibahagikan seperti berikut:

Jenis	<ul style="list-style-type: none">• Ibadah Umum• Ibadah Khusus
Tuntutan	<ul style="list-style-type: none">• Ibadah Wajib• Ibadah Sunat
Bentuk	<ul style="list-style-type: none">• Ibadan Badan• Ibadah Hati• Ibadah Harta

Ibadah harta adalah salah satu dari cabang-cabang utama ibadah di dalam Islam. Terdapat begitu banyak nas-nas Shariat dari al-Qur’an dan al-Sunnah yang datang berkenaan tema ini. Seseorang yang dikurniakan harta sebenarnya mempunyai kelebihan yang besar dalam melakukan pelbagai jenis ibadah sekiranya dia menunaikan hak dan kewajipan berkaitan harta tersebut.

Di dalam membentangkan hadith-hadith berkaitan ibadah harta di dalam buku ini, penulis membahagikannya kepada lima (5) bahagian seperti berikut:

1. Ibadat harta yang wajib
2. Ibadat harta yang sunat
3. Takaful – Bantu Membantu Di Dalam Kesusahan
4. Ibadat Harta berkaitan Pusaka dan Pewaris
5. Ibadat Harta dan Hukuman

Semoga buku ini dapat membentuk sikap dan perspektif positif pembaca terhadap harta dan sentiasa melihatnya sebagai alat dan peluang untuk mencapai tujuan yang lebih besar di sisi Allah. Harta dari pandangan Islam bukanlah sebagai tujuan, tetapi ia adalah wasilah bagi melaksanakan bentuk-bentuk ibadah yang pelbagai.

Berikut adalah hadith-hadith yang berkaitan dengan ibadah harta di dalam Islam:

﴿ 40 HADITH BERKENAAN IBADAT HARTA ﴾

Hadith 1: al-Qur'an dan Harta adalah Dua Pintu dan Peluang Ibadat Yang Besar

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
((لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ: رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ، فَهُوَ يَقُومُ بِهِ، آتَاءَ اللَّيْلِ، وَآتَاءَ النَّهَارِ؛ وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا، فَهُوَ يُنْفِقُهُ، آتَاءَ اللَّيْلِ، وَآتَاءَ النَّهَارِ))

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda:

“Tidak boleh ada rasa dengki (cemburu) melainkan bagi dua orang manusia:

- (i) Seorang yang telah dikurniakan (ilmu & kefahaman) al-Qur'an oleh Allah ﷻ, dan dia berdiri dengannya pada waktu-waktu malam dan siang;
- (ii) Seorang yang dikurniakan oleh Allah ﷻ dengan (kekayaan) harta benda, dan dia menginfakannya (pada jalan-jalan kebaikan) pada waktu-waktu malam dan siang.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 5025 & 7529; (Muslim (261H), - al-Jami' al-Sahih / Sahih Muslim), No. 817 [Lafaz di atas] & 818; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) dan lain-lain.

1.1 Harta dan Hikmah (Ilmu/al-Qur'an) adalah Dua Pintu dan Peluang Ibadat Yang Besar

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم :

((لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ: رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَسَلَّطَ (/ فَسَلَّطَهُ) عَلَى هَلَكْتِهِ فِي الْحَقِّ،
وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْحِكْمَةَ (/ حِكْمَةً) فَهُوَ يَقْضِي بِهَا وَيُعَلِّمُهَا))

Daripada ‘Abdullah Bin Mas‘ūd رضي الله عنه, beliau berkata: Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Tidak patut ada rasa cemburu (*ghibṭah*) melainkan kepada dua orang:

- (i) Seseorang yang dikurniakan harta oleh Allah, dan dia kemudiannya diberi kekuatan (/dan Dia memberinya kekuatan) untuk membelanjakannya pada perkara yang benar (ketaatan); dan
- (ii) Seseorang yang dikurniakan *al-hikmah* (al-Qur'an)/ *hikmah* (ilmu) oleh Allah, dan kemudiannya dia menghukum dengannya dan mengajarkannya.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 73 [Lafaz di atas], 1409, 7141 & 7316; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 819; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 4208; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 3643 & 4098; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 90 dan lain-lain.

Hadith 2: Ibadat Harta adalah Kelebihan Kurniaan Allah kepada Seseorang

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه:

أَنَّ فُقَرَاءَ الْمُهَاجِرِينَ، أَتَوْا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، فَقَالُوا: ذَهَبَ أَهْلُ الدُّنُورِ بِالدَّرَجَاتِ الْعُلَى، وَالنَّعِيمِ الْمُقِيمِ، فَقَالَ: ((وَمَا ذَاكَ؟)) . قَالُوا: يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي، وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ، وَيَتَصَدَّقُونَ وَلَا نَتَصَدَّقُ، وَيُعْتِقُونَ وَلَا نُعْتِقُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((أَفَلَا أَعَلَّمَكُمُ شَيْئًا تَدْرِكُونَ بِهِ مَنْ سَبَقَكُمْ، وَتَسْبِقُونَ بِهِ مَنْ بَعْدَكُمْ، وَلَا يَكُونُ أَحَدٌ أَفْضَلَ مِنْكُمْ، إِلَّا مَنْ صَنَعَ مِثْلَ مَا صَنَعْتُمْ؟)) . قَالُوا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: ((تُسَبِّحُونَ، وَتُكَبِّرُونَ، وَتَحْمَدُونَ، ذُبْرَ كُلِّ صَلَاةٍ، ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ مَرَّةً))، فَرَجَعَ فُقَرَاءُ الْمُهَاجِرِينَ، إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، فَقَالُوا: سَمِعَ إِخْوَانُنَا أَهْلُ الْأَمْوَالِ بِمَا فَعَلْنَا، فَفَعَلُوا مِثْلَهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ، يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya golongan faqir daripada Muhajirin telah mendatangi Rasulullah ﷺ dan berkata: Orang-orang yang mempunyai harta telah pergi dengan darjat-darjat yang tinggi, dan nikmat yang kekal. Baginda lalu bersabda: Dan apakah (maksud kamu) itu?. Mereka berkata: Mereka bersolat seperti kami bersolat, mereka berpuasa seperti kami berpuasa, dan mereka memberi sedekah sedangkan kami tidak memberi sedekah, dan mereka memerdekakan hamba sedangkan kami tidak memerdekakan hamba.

Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Adakah (kamu tidak mahu) aku ajarkan kamu semua sesuatu yang kamu akan capai dengannya

sesiapa yang mendahului kamu, dan kamu mendahului dengannya sesiapa yang selepas kamu, dan tidak ada seseorang pun yang lebih afdal daripada kamu melainkan sesiapa lakukan seperti yang kamu lakukan?. Mereka menjawab: Bahkan, wahai Rasulullah!. Baginda bersabda: Kamu bertasbih, bertakbir dan bertahmid di akhir setiap solat sebanyak tiga puluh tiga kali.

Kemudian para fuqara' daripada Muhajirin pun kembali semula kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: Saudara-saudara kami yang mempunyai harta telah mendengar dengan apa yang telah kami lakukan, maka mereka pun melakukan seperti nya.

Rasulullah ﷺ pun bersabda: Itu adalah kelebihan kurniaan Allah (kepada mereka), Dia memberinya kepada sesiapa yang Dia kehendaki.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No.597 [Lafaz di atas]; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī); (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī); (Malik (179H), - al-Muwatta' - Riwayat Yahya al-Laythi) dan lain-lain.

Hadith 3: Harta Yang Baik Bersama Orang Yang Baik

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((يَا عَمْرُو، نِعْمَ الْمَالُ الصَّالِحُ مَعَ الرَّجُلِ الصَّالِحِ))

Daripada ‘Amr Ibn al-‘Āṣ رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Wahai ‘Amr, betapa baiknya harta yang baik (bersih) apabila ia dimiliki oleh seorang yang soleh.”

T: (Ibn Hibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 3210 [Lafaz di atas] & 3211; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn); (Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī (204H), - Musnad Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī) dan lain-lain.

Hadith 4: *al-Yad al-‘Ulyā* (Tangan Yang Memberi) Lebih Baik Daripada *al-Yad al-Suflā* (Tangan Yang Menerima)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ، وَذَكَرَ الصَّدَقَةَ،
وَالتَّعَفُّفَ، وَالْمَسْأَلَةَ:

((الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، فَالْيَدُ الْعُلْيَا هِيَ الْمُنْفِقَةُ، وَالسُّفْلَى هِيَ السَّائِلَةُ))

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda ketika Baginda sedang berada di atas mimbar, dan ketika Baginda sedang menyebut tentang sedekah, memelihara maruah dan meminta-minta:

“Tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah;

dan tangan yang di atas adalah tangan yang memberi infaq, dan tangan yang di bawah adalah tangan yang meminta pemberian.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No.1429 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Suḡhrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) dan lain-lain.

﴿ IBADAT HARTA YANG WAJIB ﴾

Hadith 5: Nafkah Bagi Diri Sendiri

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((تَصَدَّقُوا))، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عِنْدِي دِينَارٌ، قَالَ:
((تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى نَفْسِكَ))، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى زَوْجَتِكَ))،
قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى وَلَدِكَ))، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((
تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى خَادِمِكَ))، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((أَنْتَ أَبْصَرُ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ bersabda: Bersedekahlah. Maka seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah, saya mempunyai satu dinar, Baginda pun bersabda: Sedekahkanlah (belanjakanlah) ia kepada dirimu sendiri.

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: Sedekahkanlah ia kepada isterimu.

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: Sedekahkanlah ia kepada anakmu.

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: Sedekahkanlah ia kepada hambamu.

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: Engkau lebih tahu (di mana patut engkau belanjakannya).”

T: (al-Nasā'ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 2535 [Lafaz di atas]; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān); (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn) dan lain-lain.

5.1 Mulakan Dengan Diri Sendiri

عَنْ جَابِرٍ رضي الله عنه، قَالَ:

أَعْتَقَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي عُدْرَةَ عَبْدًا لَهُ عَنْ دُبْرٍ، فَبَلَغَ ذَلِكَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: ((أَلَاكَ مَالٌ غَيْرُهُ؟))، فَقَالَ: لَا، فَقَالَ: ((مَنْ يَشْتَرِيهِ مِنِّي؟))، فَاشْتَرَاهُ نُعَيْمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْعَدَوِيُّ بِثَمَانِ مِائَةِ دِرْهَمٍ، فَجَاءَ بِهَا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَدَفَعَهَا إِلَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: ((ابْدَأْ بِنَفْسِكَ فَتَصَدَّقْ عَلَيْهَا، فَإِنْ فَضَلَ شَيْءٌ فَلِأَهْلِكَ، فَإِنْ فَضَلَ عَنْ أَهْلِكَ شَيْءٌ فَلِذِي قَرَابَتِكَ، فَإِنْ فَضَلَ عَنْ ذِي قَرَابَتِكَ شَيْءٌ، فَهَكَذَا وَهَكَذَا يَقُولُ، فَبَيْنَ يَدَيْكَ وَعَنْ يَمِينِكَ وَعَنْ شِمَالِكَ))

Daripada Jabir Ibn 'Abdullah رضي الله عنه, beliau berkata:

“Seorang lelaki dari Bani 'Udhrah telah membebaskan seorang hambanya secara tadbīr (iaitu si hamba mudabbar akan merdeka jika pemiliknya meninggal dunia), dan perkara ini telah sampai kepada Rasulullah ﷺ, maka Baginda bersabda: Adakah kamu mempunyai harta selainnya?. Dia menjawab: Tidak. Baginda bersabda: Siapakah yang mahu membelinya (hamba ini) daripadaku?. Maka Nu'aym Ibn 'Abdullah al-'Adawi pun membelinya dengan harga lapan ratus (800) dirham.

Rasulullah ﷺ pun mengambilnya dan memberikannya kepadanya (pemilik asal) dan bersabda: Mulakanlah dengan

dirimu, dan bersedekahlah (belanjakanlah) untuknya. Dan jika ada sebarang lebihan, maka belanjakanlah untuk keluargamu. Dan jika ada sebarang lebihan dari keluargamu, maka belanjakanlah untuk kaum kerabatmu. Dan jika ada sebarang lebihan dari kaum kerabatmu, maka begini dan begini, iaitu bagi sesiapa di hadapanmu, di sebelah kananmu, dan di sebelah kirimu.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No.999 [Lafaz di atas]; (al-Nasā’ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Suḡhrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain.

5.2 Mulakan Dengan Keperluan Diri Sendiri

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:

كَانَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي عُذْرَةَ، يُقَالُ لَهُ: أَبُو مَذْكُورٍ، وَكَانَ لَهُ عَبْدٌ قِبْطِيٌّ فَأَعْتَقَهُ عَنْ دُبُرٍ مِنْهُ، وَكَانَ ذَا حَاجَةٍ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ ذَا حَاجَةٍ، فَلْيَبْدَأْ بِنَفْسِهِ))، قَالَ: فَأَمَرَهُ أَنْ يَسْتَنْفِعَ بِهِ، فَبَاعَهُ مِنْ نُعَيْمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ النَّحَّامِ الْعَدَوِيِّ بِثَمَانِ مِائَةٍ دِرْهَمٍ.

Daripada Jabir Ibn ‘Abdullah al-Ansari رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Pernah ada seorang lelaki daripada Bani ‘Udhrah, yang disebut sebagai “Abū Madhkūr”, dan dia mempunyai seorang hamba qibti. Dia telah memerdekakannya secara tadbīr (iaitu si hamba mudabbar akan merdeka jika pemiliknya meninggal dunia), sedangkan dia mempunyai hajat keperluan.

Rasulullah ﷺ bersabda: Sekiranya salah seorang daripada kamu adalah seorang yang berhajat (mempunyai keperluan), maka hendaklah dia mulakan dengan dirinya sendiri.”

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 13861, 14552 & 14569 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No.999 [Lafaz di atas]; (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Suḡhrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain.

Hadith 6: Nafkah Bagi Isteri

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا :

قَالَتْ هِنْدُ أُمُّ مُعَاوِيَةَ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ : إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيحٌ، فَهَلْ عَلَيَّ جُنَاحٌ أَنْ أَخُذَ مِنْ مَالِهِ سِرًّا؟ قَالَ: ((خُذِي أَنْتِ وَبَنُوكِ مَا يَكْفِيكِ بِالْمَعْرُوفِ))

Daripada ‘A’ isah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا, beliau meriwayatkan bahawa:

“Hindun, ibu kepada Mu‘awiyah telah berkata kepada Rasulullah ﷺ: Sesungguhnya Abu Sufyan (suaminya) adalah seorang lelaki yang kedekut (untuk memberi nafkah), maka adakah salah sekiranya saya mengambil nafkah daripada hartanya secara rahsia?.

Baginda bersabda: Kamu ambillah (dari harta suami kamu) untuk kamu dan anak-anakmu apa yang mencukupimu dengan baik.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2211 [Lafaz di atas], 5364 & 7180; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 3532; (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 5420 dan lain-lain.

Nota:

Hadith No. 5 sebelum ini telah menyatakan kewajipan nafkah ke atas isteri selepas diri sendiri. Hadith ini pula merupakan dalil Shariat yang kukuh bahawa isteri dan anak-anak mempunyai hak nafkah daripada harta suami sehinggakan dia boleh mengambilnya dengan kadar yang munasabah tanpa kebenarannya jika nafkah yang diberikan tidak mencukupi.

6.1 Nafkah Bagi Ahli Keluarga adalah Sedekah (1)

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْبَدْرِيِّ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:
((نَفَقَةُ الرَّجُلِ عَلَى أَهْلِهِ صَدَقَةٌ))

Daripada Abu Mas'ūd al-Badri رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“(Perbelanjaan) nafkah oleh seorang lelaki bagi ahli keluarganya adalah merupakan satu sedekah.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 55 [Lafaz di atas], 4006 & 5351 (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1004; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1965 [sama seperti lafaz di atas] dan belia berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ) dan lain-lain.

6.2 Nafkah Bagi Keluarga adalah Sedekah (2)

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْبَدْرِيِّ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:
((إِنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا أَنْفَقَ عَلَى أَهْلِهِ نَفَقَةً وَهُوَ يَحْتَسِبُهَا كَانَتْ لَهُ صَدَقَةً))

Daripada Abu Mas'ūd al-Badri رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Sesungguhnya seseorang Muslim itu apabila dia memberi/membelanjakan nafkah bagi ahli keluarganya dalam keadaan dia mengharap keredaan dari Allah ﷻ (/dia berniat melakukan perintah Allah ﷻ), maka perbelanjaan itu adalah merupakan satu sedekah.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 55, 4006 & 5351 (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1004 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1965 dan lain-lain.

Hadith 7: Nafkah Bagi Anak

عَنْ ثَوْبَانَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((أَفْضَلُ دِينَارٍ يُنْفِقُهُ الرَّجُلُ دِينَارًا يُنْفِقُهُ عَلَى عِيَالِهِ، وَدِينَارًا يُنْفِقُهُ الرَّجُلُ عَلَى دَابَّتِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَدِينَارًا يُنْفِقُهُ عَلَى أَصْحَابِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ))

Daripada Thawban رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sebaik-baik dinar adalah dinar yang dibelanjakan oleh seorang lelaki untuk orang-orang yang berada di bawa tanggungannya; dan dinar yang dibelanjakan oleh seorang lelaki bagi tanggungannya di jalan Allah; dan dinar yang dibelanjakan oleh seseorang bagi para sahabatnya di jalan Allah.”

T: (Muslim (261H), - al-Jami' al-Sahih / Sahih Muslim), No. 997 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah) dan lain-lain.

قَالَ أَبُو قِلَابَةَ: وَبَدَأَ بِالْعِيَالِ، ثُمَّ قَالَ أَبُو قِلَابَةَ: وَأَيُّ رَجُلٍ أَعْظَمُ أَجْرًا مِنْ رَجُلٍ يُنْفِقُ عَلَى عِيَالٍ صِغَارٍ، يُعْفُهُمْ أَوْ يَنْفَعُهُمُ اللَّهُ بِهِ وَيُغْنِيهِمْ

Dan (Imam) Abu Qilabah (salah seorang perawi) berkata: “Baginda telah memulakannya dengan anak-anak yang berada dalam tanggungan seseorang”, kemudian Abu Qilabah berkata: “Dan siapakah yang lebih besar pahalanya berbanding seorang lelaki yang memberi nafakah kepada anak-anaknya yang masih kecil, dengan itu dia dapat memelihara kehormatan mereka, dan Allah memberi manfaat kepada mereka melaluinya serta mengkayakan mereka (daripada meminta-minta dari orang lain).”

R: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim). Catatan tambahan selepas hadith No. 997.

7.1 Riwayat Abu Dawud: Nafkah Anak Diutamakan Nafkah Isteri

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ:

أَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ بِالصَّدَقَةِ، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عِنْدِي دِينَارٌ، فَقَالَ: ((تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى نَفْسِكَ))، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى وَلَدِكَ))، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى زَوْجَتِكَ، أَوْ قَالَ: زَوْجِكَ))، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى خَادِمِكَ))، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: ((أَنْتَ أَبْصَرُ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata:

“Nabi ﷺ memerintahkan agar para sahabat رضي الله عنهم bersedekah. Maka seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah, saya mempunyai satu dinar, Baginda pun bersabda: Sedekahkanlah (belanjakanlah) ia kepada dirimu sendiri.

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: **Sedekahkanlah ia kepada anakmu.**

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: Sedekahkanlah ia kepada isterimu.

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: Sedekahkanlah ia kepada hambamu.

Kemudian dia berkata: Saya ada satu dinar lagi, Baginda pun bersabda: Engkau lebih tahu (di mana patut engkau belanjakannya).”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 1691 [Lafaz di atas]; (al-Nasā'ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Ahmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Hibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān); (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn) dan lain-lain.

Nota: Riwayat Abu Dawud mendahulukan nafkah anak ke atas isteri. Kebanyakan riwayat mendahulukan nafkah isteri ke atas anak.

Memberi nafkah kepada anak-anak yang berhajat dan masih di bawah tanggungan adalah wajib menurut ijma' ulama'. Al-Imam Ibn Qudamah menyebut di dalam kitabnya "al-Mughni", kitab *al-Nafaqat*:

وَأَمَّا الْإِجْمَاعُ ، فَحَكَى ابْنُ الْمُنْذِرِ قَالَ : ... وَأَجْمَعَ كُلُّ مَنْ نَحَفَظُ عَنْهُ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ ، عَلَى أَنَّ عَلَى الْمَرْءِ نَفَقَةَ أَوْلَادِهِ الْأَطْفَالِ الَّذِينَ لَا مَالَ لَهُمْ

“Dan manakala [dalil] ijma', maka [Imam] Ibn al-Mundhir telah berkata: ... Dan telah berijma' setiap orang yang kami hafal dari kalangan ahli ilmu, bahawa menjadi kewajipan ke atas seseorang untuk memberi nafkah kepada anak-anaknya yang kecil yang tidak mempunyai harta.”

R: (Ibn Qudamah al-Maqdisi (620H), 1968 - al-Mughni).

7.2: Allah Mewajibkan Syurga kepada Seorang Ibu Miskin Dengan Sebiji Tamar Yang Dikorbankan Buat Anak-anaknya

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، أَنَّهَا قَالَتْ :

((جَاءَنِي مِسْكِينَةٌ تَحْمِلُ ابْنَتَيْنِ لَهَا ، فَأَطْعَمْتُهَا ثَلَاثَ تَمْرَاتٍ ، فَأَعْطَتْنِي كُلَّ وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا تَمْرَةً ، وَرَفَعَتْ إِلَيَّ فِيهَا تَمْرَةً لِتَأْكُلَهَا ، فَاسْتَطَعَمْتُهَا ابْنَتَاهَا ، فَشَقَّتْ التَّمْرَةَ الَّتِي

كَانَتْ تُرِيدُ أَنْ تَأْكُلَهَا بَيْنَهُمَا، فَأَعْجَبَنِي شَأْنُهَا فَذَكَرْتُ الَّذِي صَنَعَتْ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ
فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَوْجَبَ لَهَا بِهَا الْجَنَّةَ، أَوْ أَعْتَقَهَا بِهَا مِنَ النَّارِ ((

Daripaa (Saidatina) ‘A’ishah رضي الله عنها, sesungguhnya beliau telah berkata:

“Seorang perempuan miskin telah datang kepadaku dengan membawa dua anak perempuannya dan saya pun memberinya tiga biji tamar. Dia memberi setiap seorang dari dua anaknya itu sebiji tamar, dan dia pun mahu menyuapkan sebiji tamar lagi ke dalam mulutnya, akan tetapi kedua-dua anak perempuannya itu meminta tambahan makanan lagi. Dia pun membelah biji tamar yang ingin dimakannya itu dan memberikannya kepada kedua-dua anak perempuannya.

Saya merasa amat kagum dengan perbuatannya itu, dan saya pun memberitahu tentang perbuatannya itu kepada Rasulullah ﷺ. Baginda pun bersabda: “Sesungguhnya Allah telah mewajibkan baginya syurga dengannya (sebiji tamar/amalannya itu); atau Allah membebaskannya daripada api neraka dengannya (sebiji tamar/ amalannya itu).”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2632 [Lafaz di atas]; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān); (Abū Dāwūd al-Ṭayālisī (204H), - Musnad Abū Dāwūd al-Ṭayālisī) dan lain-lain.

7.3: Kelebihan Nafkah Anak Perempuan

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((مَنْ عَالَ جَارِيتَيْنِ حَتَّى تَبْلُغَا، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنَا وَهُوَ)) - وَضَمَّ أَصَابِعَهُ

Daripada Anas Ibn Malik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barangsiapa yang menanggung kehidupan dua orang (anak) perempuan sehingga mereka berdua menjadi baligh (dewasa), dia akan datang pada Hari Kiamat nanti dalam keadaan saya dan dia (adalah sebegini rapat)” - lalu Baginda pun merapatkan jari-jari Baginda yang mulia (riwayat Imam Ahmad (No.12089): dua jari Baginda yang mulia, jari telunjuk dan ibu jari).

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2634 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān); (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn) dan lain-lain

Hadith 8: Nafkah Kepada Ibu Bapa

عَنْ مُورِقِ الْعِجَلِيِّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((هَلْ تَعْلَمُونَ نَفَقَةً أَفْضَلَ مِنْ نَفَقَةٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟)) قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ:
((نَفَقَةُ الْوَالِدِ عَلَى الْوَالِدَيْنِ أَفْضَلُ))

Daripada Muwarriq al-‘Ijlī (wafat selepas 100H) (seorang dari tābi‘īn yang *thiqah* lagi ‘ābid – Ibn Hajar al-‘Asqalāni), beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda (*mursal*):

“Adakah kamu mengetahui tentang satu nafkah yang lebih afdal daripada nafkah di jalan Allah?.

Mereka (para sahabat ﷺ) berkata: Allah dan RasulNya lebih mengetahui.

Baginda bersabda: Nafkah seorang anak kepada kedua ibubapanya itulah yang lebih afdal.”

T: (Ibn al-Jawzi (597H), 1996 - al-Birr wa al-Silah), No. 84 [Lafaz di atas]; (Ibn Wahb (197H), - al-Jami' fi al-Hadith), No. 124; (al-Marwazi (246H), - al-Birr wa al-Silah), No. 39 & (Ibn Abi al-Dunya (281H), - al-'Iyal), No. 26.

Hadith 9: Membayar Hutang

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ:

قَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَلَيَّ حَاجَةٌ الْإِسْلَامِ وَعَلَيَّ دَيْنٌ، قَالَ: ((فَاقْضِ دَيْنَكَ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata:

“Seorang lelaki telah berkata: Wahai Rasulullah, saya mempunyai kewajiban rukun Haji di dalam Islam, dan saya juga mempunyai kewajiban membayar hutang (yang telah matang).

Baginda ﷺ pun bersabda: Maka tunaikanlah (kewajipan) hutangmu.”

T: (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 6191 [Lafaz di atas]: Sanadnya bersambung dan para perawinya adalah thiqah; (Ibn ‘Asākir (571H), 1998 - Tārīkh Dimashq); (Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (852H), 1998 - al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā‘id al-Masānid al-Thamānīyah); (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā‘id al-Masānid al-‘Asharah) dan lain-lain.

9.1 Kewajipan Membayar Hutang dan Nafkah

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رضي الله عنه، قَالَ:

((أَعْتَقَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ غُلَامًا لَهُ عَنْ دُبُرٍ وَكَانَ مُحْتَاجًا، وَكَانَ عَلَيْهِ دَيْنٌ، فَبَاعَهُ

رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِثَمَانِ مِائَةِ دِرْهَمٍ فَأَعْطَاهُ، فَقَالَ: ((اقْضِ دَيْنَكَ وَأَنْفِقْ عَلَى عِيَالِكَ))

Daripada Jabir Ibn Abdullah رضي الله عنه, beliau berkata:

“Seorang lelaki daripada kalangan Ansar telah memerdekakan seorang hamba miliknya secara tadbīr (iaitu si hamba

mudabbar akan merdeka jika pemiliknya meninggal dunia), sedangkan dia sendiri mempunyai hajat/keperluan (kewangan), dan dia mempunyai hutang yang perlu dibayar.

Maka Rasulullah ﷺ pun menjual hamba tersebut dengan harga lapan ratus (800) dirham dan kemudian Baginda memberikan wang tersebut kepadanya dan bersabda: Selesaikanlah hutangmu, dan berilah nafakah kepada orang-orang yang berada di bawah tanggunganmu.”

T: (al-Nasā'ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 5418 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Abu 'Awanah (316H), 1998 - Mustakhraj Abi 'Awanah) dan (al-Dāruqūṭnī (385H), 2004 - Sunan al-Dāruqūṭnī).

9.2 Membayar Semula Hutang Dengan Lebih Baik

عَنْ أَبِي رَافِعٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ :

((أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ اسْتَسَلَفَ مِنْ رَجُلٍ بَكْرًا، فَقَدِمْتُ عَلَيْهِ إِبِلٌ مِنْ إِبِلِ الصَّدَقَةِ، فَأَمَرَ أَبَا رَافِعٍ أَنْ يَقْضِيَ الرَّجُلَ بَكْرَهُ فَرَجَعَ إِلَيْهِ أَبُو رَافِعٍ، فَقَالَ: لَمْ أَجِدْ فِيهَا إِلَّا خِيَارًا رَبَاعِيًّا، فَقَالَ: ((أَعْطِهِ إِيَّاهُ، إِنَّ خِيَارَ النَّاسِ أَحْسَنُهُمْ قَضَاءً))

Daripada Abū Rāfi' رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah meminjam daripada seorang lelaki seekor unta yang muda. Maka (apabila) datang kepada Baginda unta daripada unta-unta sedekah, Baginda memerintahkan Abū Rāfi' رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ untuk membayar semula lelaki tersebut unta mudanya. (Tetapi) Abū Rāfi' رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ kembali semula kepada Baginda dan berkata: Saya tidak mendapati pada (unta-unta) tersebut melainkan unta-unta terpilih yang baru masuk

tujuh tahun. Maka Baginda (pun) bersabda: Berikanlah ia kepadanya, sesungguhnya sebaik-baik manusia ialah yang paling baik dalam menunaikan (hutangnya).”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1601 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Suḡhrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī) dan lain-lain.

Hadith 10: Kewajipan Zakat Harta

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما :

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ بَعَثَ مُعَاذًا رضي الله عنه إِلَى الْيَمَنِ، فَقَالَ: ((أَدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ))

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Abbās رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Nabi ﷺ ketika mengutus Mu‘adh (Ibn Jabal) رضي الله عنه ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya: Serulah mereka kepada persaksian bahawa Tiada Tuhan Melainkan Allah, dan sesungguhnya aku ini Utusan Allah. Dan sekiranya mereka mentaati (menuruti) seruanmu itu, maka ajarkanlah kepada mereka bahawa sesungguhnya Allah ﷻ telah mewajibkan ke atas mereka solat lima waktu pada setiap hari dan malam. Dan sekiranya mereka taat kepada perkara itu, maka ajarkanlah mereka bahawa sesungguhnya Allah ﷻ mewajibkan ke atas

mereka sedeqah (zakat) pada harta-harta mereka, diambil daripada orang-orang kaya di kalangan mereka, dan diberikan kepada golongan faqir di kalangan mereka.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1395; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud) dan lain-lain.

al-Bukhari.

10.1 Azab Kerana Tidak Membayar Zakat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاتَهُ، مَثَلٌ لَهُ مَالُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شُجَاعًا أَقْرَعَ لَهُ زَبِيَّتَانِ يُطَوَّقُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، ثُمَّ يَأْخُذُ بِلَهْزِمَتَيْهِ يَعْنِي شِدْقَيْهِ، ثُمَّ يَقُولُ أَنَا مَالِكٌ أَنَا كَنْزُكَ، ثُمَّ تَلَا: ((وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barangsiapa yang dikurniakan harta oleh Allah, lalu dia tidak melaksanakan zakatnya, dirupakan baginya hartanya itu pada hari Kiamat nanti dengan seekor ular yang mampu berdiri di atas ekornya, lagi berbisa, dengan dua titik hitam (yang berlubang di dalam rahangnya), yang akan dikalungkan (dibelitkan) ke atasnya pada hari Kiamat nanti. Kemudian ia (ular itu) mengambilnya dengan kedua-dua rahangnya seraya berkata: Akulah hartamu, akulah khazanahmu, dan kemudian Baginda membaca (Āli ‘Imrān:180): “Dan jangan sekali-kali

orang-orang yang bakhil (dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya – menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1403 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Suḡhrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah) dan lain-lain.

10.2 Memelihara Harta Dengan Berzakat

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((حَصِّنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ، وَدَاوُوا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ، وَأَعِدُّوا لِلْبَلَاءِ الدُّعَاءَ))

Daripada ‘Abdullah Ibn Mas‘ūd رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Lindungilah harta-hartamu dengan zakat, dan ubatilah pesakit-pesakitmu dengan sedekah, dan sediakanlah (persiapan) bagi bala’ dengan berdoa.”

T: (al-Shihāb al-Quḍā‘ī (454H), 1986 - Musnad al-Shihāb), No. 691 [Lafaz di atas]; (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Awṣaṭ); (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Kabīr); (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’) dan lain-lain.

Hadith 11: Kewajipan Zakat Badan (Fitrah)

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، قَالَ:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ، وَالْحُرِّ، وَالذَّكْرِ، وَالْأُنْثَى، وَالصَّغِيرِ، وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنهما berkata:

“Rasulullah ﷺ telah menfardukan (mewajibkan) zakat fitrah iaitu segantang daripada tamar atau segantang daripada gandum barli ke atas hamba abdi dan orang merdeka, lelaki dan perempuan, kecil dan besar dari kalangan para Muslimin, dan Baginda memerintahkannya untuk ditunaikan sebelum orang ramai keluar pergi menunaikan solat Hari Raya.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1503 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan) dan lain-lain.

Nota:

Kadar zakat fitrah yang wajib dikeluarkan adalah satu gantang Baghdad iaitu lebih kurang 2.7 kg/ 2.6 kg beras atau nilai yang sama dengannya. Nilai ini berdasarkan ketentuan oleh pihak-pihak berkuasa agama negeri.

Waktu Sunat

Sepanjang bulan Ramadhan

Waktu Wajib

Terbenam matahari akhir bulan Ramadan sehingga

	terbit matahari
Waktu Makruh	Selepas sembahyang sunat Aidilfitri sehingga terbenam matahari 1 Shawwal
Waktu Haram	Selepas terbenam matahari 1 Shawwal
Waktu Afdhal	Selepas terbenam matahari akhir Ramadan sehingga sebelum sembahyang sunat hari raya Aidilfitri

(Sumber: www.jawhar.gov.my)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan Cara Penetapan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg.

Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras 'Vietnam White Rice' bagi negeri Sabah dan 'Thai White Rice' bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kg.²

² Kadar yang diperoleh hasil timbangan 1 gantang Baghdad beras Super Tempatan Gred 'A' bagi Semenanjung Malaysia dan beras 'Vietnam White Rice' bagi Sabah dan Sarawak dengan menggunakan penimbang metrik jenis 'digital' yang disediakan

LATAR BELAKANG

Amalan pelaksanaan zakat fitrah di negara ini ditunaikan dengan nilai mata wang bagi menggantikan satu gantang beras bagi setiap orang Islam yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Keadaan ini memperlihatkan wujud perbezaan kadarnya di negeri-negeri disebabkan penetapan asas timbangan bagi satu gantang beras dan jenis beras yang ditentukan. Selain itu, harga beras tempatan di Semenanjung Malaysia dikawal dan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) tetapi tidak melibatkan negeri Sabah dan Sarawak.

Penggunaan sukatan gantang Baghdad merujuk kepada gantang yang digunakan secara meluas di zaman Rasulullah ﷺ.

Bahan makanan yang diambil kira bagi menentukan zakat ialah beras atas alasan ia merupakan makanan asasi yang dimakan oleh rakyat negara ini. Berdasarkan kajian dan perakuan oleh pihak BERNAS, beras Super Tempatan Gred A merupakan beras yang dimakan oleh majoriti rakyat Malaysia berbanding dengan beras gred lain. Perkara ini boleh dijadikan asas dan kaedah bagi penetapan bahan makanan asasi dalam menentukan zakat fitrah.

Kaedah yang harus digunakan bagi memastikan ketepatan timbangan yang menyamai satu gantang Baghdad adalah dengan menggunakan timbangan metrik dengan mengambil kira penggunaan alat sukatan gantang Baghdad kian pupus dan sistem sukatan moden terutama sistem

oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). (Sumber: e-muamalat.gov.my)

metrik digunakan secara meluas.

Hasil sukatan dua jenis gantang baghdad³ bagi beras Super Tempatan Gred (A) adalah bersamaan dengan 2.70 kg. Keputusan ini bertepatan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Muzakarah jawatankuasa Fatwa kali pertama yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 iaitu ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus.⁴

³ Replika Kayu Gantang Baghdad dari Negeri Sembilan dan Replika Tembaga Gantang Baghdad dari Majlis Agama Islam Kelantan.

⁴ Sumber: Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat di: http://e-muamalat.gov.my/sites/default/files/keputusan_muzakarah/2010/05/9_Fatwa_Kesembilan.pdf . Akses: 31 Mac 2015

Hadith 12: Perbelanjaan bagi Haji Digandakan Sebanyak Tujuh Ratus (700) Kali Ganda

عَنْ بُرَيْدَةَ الْأَسْلَمِيِّ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((النَّفَقَةُ فِي الْحَجِّ كَالنَّفَقَةِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِسَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ))

Daripada Buraydah al-Aslami رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Nafkah di dalam amalan Haji adalah seperti nafkah di jalan Allah yang digandakan sebanyak tujuh ratus (700) kali ganda.”

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 22490 [Lafaz di atas]; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā); (al-Rūyānī (307H), 1416H - Musnad al-Rūyānī); (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Awṣaṭ); (al-Bayhaqī (458H), - Shu‘ab al-Imān) dan lain-lain.

12.1: Umrah Menghapuskan Dosa & Ganjaran Haji Yang *Mabrur* adalah Syurga

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Satu umrah kepada satu umrah yang lain adalah merupakan kaffarah (penutup/penghapus) bagi dosa yang terdapat di antara kedua-duanya; dan Haji yang mabrur itu tiadalah ganjaran baginya melainkan syurga.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1773 & (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1351 – *Muttafaq ‘alayh*; dan lain-lain.

﴿ IBADAT HARTA YANG SUNAT ﴾

Hadith 13: “Jalan Allah”

عَنْ خُرَيْمِ بْنِ فَاتِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
((مَنْ أَنْفَقَ نَفَقَةً فِي سَبِيلِ اللَّهِ، كُتِبَتْ لَهُ بِسَبْعِ مِائَةِ ضِعْفٍ))

Daripada Khuraym Ibn Fatik رضي الله عنه, beliau berkata:

“Barangsiapa yang meninfaqkan satu nafkah di jalan Allah, ditulis (ganjaran) baginya dengan tujuh ratus (700) kali ganda.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1625 [Lafaz di atas]; (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain.

Nota: Allah ﷻ berfirman (al-Baqarah: 261):

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ
مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”

Ini bermakna bahawa perbelanjaan di jalan Allah sekurang-kurangnya akan digandakan 700 kali ganda.

1 biji => 7 tangkai;	1 tangkai => 100 biji;	7 tangkai => 700 biji.
----------------------	------------------------	------------------------

Hadith 14: Membantu Kaum Kerabat dan Dhawi al-Arham Yang Miskin

عَنْ سَلْمَانَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((إِنَّ الصَّدَقَةَ عَلَى الْمُسْكِينِ صَدَقَةٌ، وَعَلَى ذِي الرَّحِمِ اثْنَتَانِ صَدَقَةٌ وَصِلَةٌ))

Daripada Salman Ibn ‘Amir رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda:

“Sesungguhnya sedekah kepada orang miskin adalah satu sedekah; sedangkan sedekah kepada orang yang mempunyai hubungan rahim (kekeluargaan) adalah dua kebaikan iaitu sedekah dan (mengukuhkan) hubungan (silaturahmi).”

T: (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 2582 [Lafaz di atas]; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain.

Di dalam Sunan Ibn Majah, No. 1844, lafaznya berbunyi:

((الصَّدَقَةُ عَلَى الْمُسْكِينِ صَدَقَةٌ، وَهِيَ عَلَى ذِي الْقَرَابَةِ اثْنَتَانِ صَدَقَةٌ، وَصِلَةٌ))

“Sedekah kepada orang miskin adalah satu sedekah; dan sedekah kepada orang yang mempunyai hubungan kerabat adalah dua kebaikan iaitu sedekah dan (mengukuhkan) hubungan (silaturahmi).”

Nota:

Dari sudut istilah, ahli keluarga (*ahl*) merujuk kepada isteri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungan seseorang; kaum kerabat (*aqārib*) pula adalah merujuk kepada mereka yang mempunyai hubungan nasab keturunan iaitu sebelah bapa; dan

dhawī al-arḥām pula adalah merujuk kepada kaum keluarga dari sebelah ibu.

Hadith 15: Memuliakan dan Membantu Jiran

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((مَا زَالَ يُوصِينِي جِبْرِيلُ بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ))

Daripada Saidatina ‘A’ishah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

“Jibril رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا sentiasa berwasiat kepadaku agar berbuat baik kepada jiran, sehingga aku menyangka dia akan menjadikan jiran sebagai salah satu pewaris (harta peninggalanku).”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6014 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) dan lain-lain.

Nota:

Jiran adalah di antara orang yang paling berhak untuk mendapatkan bantuan dan pemberian daripada seseorang.

Terdapat tiga jenis jiran yang disebut di dalam al-Qur’an:

1. Jiran Muslim dan mempunyai hubungan kerabat/kekeluargaan (*al-Jār Dhū al-Qurbā*).
2. Jiran Muslim (*al-Jār al-Junub*).
3. Jiran bukan Muslim (*al-Ṣāḥib bi al-Janb*).

15.1 Jangan Meremehkan / Memandang Kecil Pemberian Dari Jiran

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((يَا نِسَاءَ الْمُسْلِمَاتِ، لَا تَحْقِرَنَّ جَارَةً لِحَارَتِهَا وَلَوْ فَرِسَنَ شَاةٍ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi صلى الله عليه وسلم bahawa Baginda bersabda:

“Wahai parai wanita Muslimat, janganlah seorang jiran itu meremehkan pemberian daripada jirannya walaupun hanya hujung kaki kambing.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2566 & 6017; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Abu Nu‘aym al-Asbahani (430H), 1996M/1417H - al-Musnad al-Mustakhraj ‘ala Ṣaḥīḥ Muslim) dan lain-lain.

Hadith 16: Memuliakan Tetamu

عَنْ أَبِي شُرَيْحٍ الْكَعْبِيِّ رضي الله عنه، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، جَائِزَتُهُ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ، وَالضِّيَافَةُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ، فَمَا بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ صَدَقَةٌ، وَلَا يَجِلُّ لَهُ أَنْ يَثْوِيَ عِنْدَهُ حَتَّى يُخْرِجَهُ))

Daripada Abu Shurayh al-Ka‘bi رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya.

Jā‘izahnya (pemberian air atau keperluan permusafirannya) adalah selama sehari semalam, dan (kewajipan dan hak) *ḍiyāfah* (memuliakan/ melayan tetamu) adalah selama tiga (3) hari.

Apa yang lebih daripada itu (tiga (3) hari), maka ia adalah merupakan sedekah. Dan tidak halal baginya (si tetamu) untuk tinggal di sisi tuan rumah sehingga menyusahkannya.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6018, 6135 [Lafaz di atas] & 6476; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 51, 1728 & 1729 dan lain-lain.

Hadith 17: Menyembelih Binatang Sebagai Korban (‘Aqiqah dan lain-lain)

عَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((الْغُلَامُ مُرْتَمَنٌ بِعَقِيْقَتِهِ، يُذْبِحُ عَنْهُ يَوْمَ السَّابِعِ، وَيُسَمَّى وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ))

Daripada Samurah Bin Jundub رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Setiap budak/anak itu tertebus (dipelihara daripada kemudharatan dan kemungkaran) dengan aqiqahnya, ia (haiwan aqiqah tersebut) disembelih untuknya pada hari ketujuh (kelahirannya). Dan anak tersebut diberi nama dan dicukurkan kepalanya (pada hari tersebut).”

T:(al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1522 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 2837 & 2838; {al-Nasā‘ī, 1986 #320, No. 4220 dan lain-lain.

Hukum ‘Aqiqah

Mazhab Fiqh	Hukum
Shafi‘iyyah dan Hanabilah	Sunat mu‘akkad (<i>Sunnah mu‘akkadah</i>)
Hanafiyyah	Tiga pandangan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Harus 2. Sunat (<i>tatawwu‘</i>) 3. Makruh kerana ia telah dimansuhkan.
Malikiyyah	<i>Mandūb</i> Di sisi Malikiyyah, <i>mandub</i> lebih rendah berbanding <i>masnūn</i>
Zahiriyyah, satu riwayat daripada Imam Ahmad & al-Layth Bin Sa‘d	Wajib

Di antara ibadah-ibadat penyembelihan binatang korban yang lain adalah seperti *uḥhiyyah*, *hady* dan *dam*.

Hadith 18: Membiayai Penuntut Ilmu

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:

كَانَ أَخْوَانِ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ فَكَانَ أَحَدُهُمَا يَأْتِي النَّبِيَّ ﷺ وَالْآخَرُ يَخْتَرِفُ، فَشَكَا الْمُخْتَرِفُ أَخَاهُ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: ((لَعَلَّكَ تُرْزَقُ بِهِ))

Daripada Anas Ibn Malik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Pernah ada dua orang bersaudara (adik beradik) di zaman Rasulullah ﷺ; salah seorang daripadanya sentiasa datang kepada Nabi ﷺ (untuk menuntut ilmu) dan yang seorang lagi pula berkerja.

Saudara yang berkerja tersebut telah mengadukan tentang saudaranya (yang menuntut ilmu itu) kepada Nabi ﷺ, maka Baginda pun bersabda: Mudah-mudahan engkau diberi rezeki (oleh Allah ﷻ) dengannya (saudaramu itu).”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2345 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (al-Hakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ‘alā al-Sahīḥayn), No. 291 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ (صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ وَرَوَاتُهُ عَنْ آخِرِهِمْ أَثْبَاتٌ نَفَاتٌ، وَلَمْ يُجْرَجَاهُ (643H), - al-Aḥādīth al-Mukhtārah); (al-Bayhaqi (458H), 1420H - al-Madkhal ila al-Sunan al-Kubra); (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār) dan lain-lain.

Hadith 19: Memelihara Anak Yatim

عَنْ سَهْلِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :

((أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا))، وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى وَفَرَّجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا

Daripada Sahl (Ibn Sa‘d) رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

“Saya dan orang yang menanggung urusan anak yatim di syurga nanti adalah seumpama ini,” dan Baginda ﷺ memberi isyarat dengan jari telunjuk dan jari tengah, dan Baginda ﷺ merenggangkan sedikit di antara kedua-dua (jari tersebut).”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 5304 [Lafaz di atas] & 6005; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1918 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain.

19.1 Kemuliaan Rumah Yang Mempunyai Anak Yatim Yang Dilayan Dengan Baik

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((خَيْرُ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ، بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يُحْسَنُ إِلَيْهِ، وَشَرُّ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ، بَيْتٌ

فِيهِ يَتِيمٌ يُسَاءُ إِلَيْهِ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi صلى الله عليه وسلم bahawa Baginda bersabda:

“Rumah yang terbaik dari kalangan orang-orang Islam adalah rumah yang ada padanya anak yatim yang dilayan/ dipelihara dengan baik;

Dan rumah yang paling buruk dari kalangan orang-orang Islam adalah rumah yang ada padanya anak yatim yang disakiti (tidak dilayan/dipelihara dengan baik).”

T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 3679 [Lafaz di atas]; ('Abd Ibn Humayd (249H), - Musnad 'Abd Ibn Humayd); (al-Tabarānī (360H), - al-Mu'jam al-Awsaṭ); (al-Baghawi (516H), - Sharh al-Sunnah); (al-Mizzi (742H), 2002 - Tahdhib al-Kamal) dan lain-lain.

Hadith 20: Janda dan Ibu Tunggal

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم :

((السَّاعِي عَلَى الْأُزْمَلَةِ وَالْمُسْكِينِ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، أَوْ الْقَائِمِ اللَّيْلَ الصَّائِمِ النَّهَارَ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Orang yang berusaha (untuk menjaga) janda/ibu tunggal dan orang miskin adalah seumpama seorang mujahid di jalan Allah, atau seperti seorang yang sentiasa mendirikan malam (dengan ibadat) dan sentiasa berpuasa di siang hari.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 5353 [Lafaz di atas], 6006 & 6007; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain.

Hadith 21: Sedekah kepada Orang-orang Miskin dan Faqir serta Berhajat

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((اَللّٰهُمَّ اَحْيِنِيْ مِسْكِيْنَ وَ اَمِتْنِيْ مِسْكِيْنَ وَ اَحْشُرْنِيْ فِيْ زُمْرَةِ الْمَسَاكِيْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ))
((فَقَالَتْ عَائِشَةُ: لِمَ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: ((اِنَّهُمْ يَدْخُلُوْنَ الْجَنَّةَ قَبْلَ اَغْنِيَّائِهِمْ بِارْبَعِيْنَ خَرِيْفًا، يَا عَائِشَةُ لَا تُرَدِّي الْمِسْكِيْنَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ، يَا عَائِشَةُ اَحْبِي الْمَسَاكِيْنَ وَ قَرِّبِيْهِمْ فَاِنَّ اللهَ يُقَرِّبُكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ))

Daripada Anas Ibn Malik رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Ya Allah, hidupkanlah aku sebagai seorang miskin, dan wafatkanlah aku sebagai seorang miskin, dan bangkitkanlah aku dalam kumpulan orang-orang miskin pada Hari Kiamat kelak.

Maka ‘A’ishah رضي الله عنها pun berkata: Wahai Rasulullah, kenapa Tuan berdoa sedemikian?. Baginda bersabda: Sesungguhnya mereka (orang-orang miskin yang beriman) memasuki syurga sebelum orang-orang kaya mereka selama empat puluh (40) tahun. Wahai ‘A’ishah, janganlah engkau menolak (permintaan) orang miskin walaupun (engkau hanya memberinya) dengan sebahagian potongan dari sebiji tamar. Wahai ‘A’ishah, cintailah orang-orang miskin, dan dekatkanlah mereka ke sisimu, maka dengan itu sesungguhnya Allah ﷻ akan mendekatkanmu dengan (rahmat)Nya pada Hari Kiamat kelak.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2352 [Lafaz di atas]; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā); (al-Bayhaqī (458H), - Shu‘ab al-Imān) dan lain-lain.

21.1 Sedekah Memadam Kepanasan Kubur dan Menjadi Perlindungan/ Naungan Pada Hari Kiamat

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((إِنَّ الصَّدَقَةَ لِتُطْفِئَ عَنْ أَهْلِهَا حَرَّ الْقُبُورِ، وَإِنَّمَا يَسْتَظِلُّ الْمُؤْمِنُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ))

Daripada ‘Uqbah Ibn ‘Amir رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya (pahala/amalan) sedekah pasti akan memadamkan kepanasan kubur daripada penduduknya.

Dan sesungguhnya seorang Mukmin itu akan mendapat teduhan/naungan/perlindungan pada Hari Kiamat nanti di bawah teduhan/naungan/perlindungan (pahala/amalan) sedekahnya.”

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 14222 & 14223 [Lafaz di atas]; (al-Bayhaqī (458H), - Shu‘ab al-Imān), No. 3346; (Ibn ‘Abd al-Barr (463H), - al-Tamhid), No. 4205; (Ibn ‘Abd al-Barr (463H), 1993 - al-Istidhkar), No. 1277; (Ibn Quṭlūbaghā al-Sūdūnī al-Ḥanafī (879H), - Musnad ‘Uqbah Ibn ‘Āmir), No. 194 & 195 dan lain-lain.

Hadith 22: *Manihah* Unta, Lembu dan Kambing

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((نِعَمَ الْمَنِيحَةِ (/الْصَّدَقَةُ) اللَّقْحَةُ الصَّفِيُّ مَنَحَةٌ وَالشَّاةُ الصَّفِيُّ تَغْدُو بِإِنَاءٍ وَتُرْوَحُ بِإِنَاءٍ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sebaik-baik pemberian manihah (riwayat lain: sedekah) adalah seekor unta betina yang baru melahirkan anak dan mengeluarkan susu yang banyak, dan kambing betina yang mengeluarkan susu yang banyak.

Si penerima manihah dapat memerah susunya satu bekas/ bejana pada waktu pagi dan satu bekas/ bejana pada waktu petang.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2629 [Lafaz di atas] & 5608; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Abu Nu'aym al-Asbahani (430H), 1996M/1417H - al-Musnad al-Mustakhraj 'ala Saḥīḥ Muslim) dan lain-lain.

Nota:

al-Imam al-Nawawi (676H) berkata:

تستحب المنيحة ، وهي أن تكون له ناقة أو بقرة أو شاة ذات لبن ، فيدفعها إلى من يشرب لبنها مدة ، ثم يردّها إليه

“Disunatkan pemberian manihah, iaitu seseorang yang memiliki unta atau lembu atau kambing yang mempunyai (mengeluarkan) susu, lalu dia memberikannya kepada seseorang yang lain untuk dia mengambil susunya dalam

tempoh tertentu, kemudian ia dikembalikan kepadanya semula.”

22.1 Manihah adalah Amalan Yang Paling Tinggi Dari Empat Puluh (40) Amalan Kebaikan

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ
((أَرْبَعُونَ خَصْلَةً أَعْلَاهُنَّ مَنِيحَةُ الْعَنْزِ مَا مِنْ عَامِلٍ يَعْمَلُ بِخَصْلَةٍ مِنْهَا رَجَاءً
ثَوَابَهَا وَتَصْدِيقَ مَوْعُودِهَا، إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ بِهَا الْجَنَّةَ))

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Amr رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Empat puluh cabang kebaikan, yang tertinggi darinya adalah manihah seekor kambing betina, tidak ada yang mengamalkan salah satu bahagian daripadanya dalam keadaan mengharap pahalanya dan membenarkan (mempercayai) janji (baik) berkenaannya, melainkan Allah akan memasukkannya ke dalam syurga dengannya.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2631 [Lafaz di atas]; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain.

Hadith 23: Memberi Pinjaman/Hutang Dan Memberi Penghutang *Mu‘sir* Penangguhan atau *Ibrā‘*

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((رَأَيْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي بِي عَلَى بَابِ الْجَنَّةِ مَكْتُوبًا: الصَّدَقَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، وَالْقَرْضُ بِثَمَانِيَةِ عَشْرٍ، فَقُلْتُ: يَا جِبْرِيلُ مَا بَأَلِ الْقَرْضِ أَفْضَلُ مِنَ الصَّدَقَةِ؟، قَالَ: لِأَنَّ السَّائِلَ يَسْأَلُ وَعِنْدَهُ، وَالْمُسْتَقْرِضُ لَا يَسْتَقْرِضُ إِلَّا مِنْ حَاجَةٍ))

Daripada Anas Ibn Malik رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Aku telah melihat pada malam aku diisra’kan di atas pintu syurga tertulis: Sedekah itu (diganjarkan) dengan sepuluh (10) kali ganda, dan pinjaman itu (diganjarkan) dengan lapan belas (18) kali ganda. Maka aku berkata: Wahai Jibril, apakah sebab pinjaman itu lebih baik daripada sedekah. Beliau menjawab: Kerana seseorang yang meminta (sedekah), (kebiasaannya) dalam masa yang sama (dia memiliki sesuatu) di sisinya, dan orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman melainkan kerana hajat (yang mendesak).”

T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 2431 [Lafaz di atas]; (al-Tabarānī (360H), - Musnad al-Shāmiyyīn); (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Awṣaṭ); (al-Bayhaqī (458H), - Shu‘ab al-Imān) & (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’).

23.1 Kelebihan Memanjangkan Tempoh dan Menangguhkan Tarikh Pembayaran Bagi Penghutang Yang Berada di dalam Kesusahan (*Mu'sir*) atau Menghalalkannya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا، أَوْ وَضَعَ لَهُ أَظْلَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barangsiapa yang memanjangkan tempoh/ menangguhkan tarikh pembayaran hutang bagi penghutang yang berada di dalam kesusahan (*mu'sir*), atau menggugurkannya (menghalalkan hutang tersebut), maka Allah ﷻ akan menaunginya/ melindunginya pada Hari Kiamat nanti di bawah naungan/ lindungan ArashNya, pada hari di mana tidak ada naungan melainkan naungan (milik)Nya.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1306 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (حَدِيثُ أَبِي هُرَيْرَةَ حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا) (الْوَجْهِ); (Ahmad (241H), 1995 - al-Musnad); (al-Shihāb al-Qudā‘ī (454H), 1986 - Musnad al-Shihāb); (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Awṣaṭ) dan lain-lain.

23.2 Orang Yang Menangguhkan Penghutang Mu ' sir Mendapat Pahala Sedekah

عَنْ بُرَيْدَةَ الْأَسْلَمِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ :

((مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا كَانَ لَهُ بِكُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ وَمَنْ أَنْظَرَهُ بَعْدَ حِلِّهِ كَانَ لَهُ مِثْلُهُ فِي كُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ))

Daripada Buraydah al-Aslami رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Barangsiapa yang memanjangkan tempoh/ menangguhkan tarikh pembayaran hutang bagi penghutang yang berada di dalam kesusahan (mu ' sir), maka baginya bagi setiap hari (yang ditangguhkan) satu sedekah; dan barangsiapa yang memanjangkan tempoh/ menangguhkan tarikh pembayaran hutangnya setelah ia matang, maka baginya seumpamanya pada setiap hari (yang ditangguhkan) satu sedekah.”

T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 2418 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak 'alā al-Saḥīḥayn); (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā); (al-Rūyānī (307H), 1416H - Musnad al- Rūyānī) dan lain-lain.

Hadith 24: Memberi Hadiah atau Hibah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:
((تَهَادَوْا فَإِنَّ الْهَدِيَّةَ تُذْهِبُ وَحَرَ الصَّدْرِ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Hendaklah kamu semua saling memberi hadiah sesama kamu, sesungguhnya hadiah dapat menghilangkan permusuhan/kemarahan/ kebencian di dalam dada.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2130 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Ithāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā‘id al-Masānīd al-‘Asharah); (al-Shihāb al-Quḍā‘ī (454H), 1986 - Musnad al-Shihāb) dan lain-lain.

24.1 Hadiah Dapat Memupuk Kasih Sayang

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:
((تَهَادُوا، تَحَابُّوا))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Jika kamu semua saling memberi hadiah sesama kamu, kamu semua akan saling mengasihi.”

T: (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 11044; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī); (al-Bayhaqī (458H), - Shu‘ab al-Imān); (Ibn ‘Abd al-Barr (463H), - al-Tamhid) dan lain-lain.

Hadith 25: Sedekah Sebagai Hadiah Pahala Buat Seseorang Muslim Yang Telah Wafat

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا :

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُمَّيْ افْتُلِتَتْ نَفْسُهَا وَلَمْ تُوصِ وَأَظْنُهَا لَوْ تَكَلَّمْتُ تَصَدَّقْتُ، أَفَلَهَا أَجْرٌ إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا؟، قَالَ: ((نَعَمْ))

Daripada (Saidatina) ‘A’ isah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya seorang lelaki telah datang kepada Nabi ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah wafat dengan mengejut dan dia tidak sempat memberi wasiat, dan aku beranggapan bahawa sekiranya dia sempat berkata (tentang wasiat), dia akan bersedekah. Adakah baginya pahala sekiranya aku bersedekah untuknya. Baginda menjawab: Ya.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1388 & 2760; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1678, 3090 & 3091 [Lafaz di atas]; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (al-Nasā’ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Suḡhrā / al-Muḡtabā min al-Sunan); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah) dan lain-lain.

Imam al-Nawawi (676H) berkata:

وَفِي هَذَا الْحَدِيثِ أَنَّ الصَّدَقَةَ عَنِ الْمَيِّتِ تَنْفَعُ الْمَيِّتَ وَيَصِلُهُ ثَوَابُهَا وَهُوَ كَذَلِكَ بِإِجْمَاعِ الْعُلَمَاءِ وَكَذَا أَجْمَعُوا عَلَى وُصُولِ الدُّعَاءِ وَقَضَاءِ الدِّينِ بِالنُّصُوصِ الْوَارِدَةِ فِي الْجَمِيعِ

“Dan di dalam hadith ini (terdapat istinbat hukum) bahawa sesungguhnya sedekah untuk si mati akan memberi manfaat kepada si mati dan pahalanya akan sampai kepadanya, dan ia adalah (benar) begitu berdasarkan ijma’ para ulama’. Dan

begitu juga mereka (para ulama') telah berijma' tentang sampainya (manfaat) doa dan pembayaran hutang (buat si mati) dengan nas-nas yang warid (datang) di dalam semua (hal ini).”

T: (al-Nawawi (676H), 1999 - al-Minhaj: Sharh sahih Muslim Ibn al-Hajjaj). 90/7.

25.1 Sa'd Bin 'Ubādah رضي الله عنه Mensedekahkan Kebunnya Bagi Ibunya Yang Telah Wafat

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما:

أَنَّ سَعْدَ بْنَ عَبَادَةَ رضي الله عنه تُوِّفِيَتْ أُمُّهُ وَهُوَ غَائِبٌ عَنْهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُمَّي تُوِّفِيَتْ وَأَنَا غَائِبٌ عَنْهَا، أَيَنْفَعُهَا شَيْءٌ إِنْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَنْهَا؟ قَالَ: ((نَعَمْ))، قَالَ: فَإِنِّي أَشْهَدُكَ أَنَّ حَائِطِي الْمِخْرَافَ صَدَقَةٌ عَلَيْهَا.

Daripada 'Abdullāh Bin 'Abbās رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Sa'd Bin 'Ubādah رضي الله عنه telah kewafatan ibunya sedangkan beliau tidak ada bersamanya. Lalu beliau berkata (bertanya kepada Rasulullah ﷺ): Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibu saya telah wafat sedangkan saya tidak ada bersamanya. Adakah ia bermanfaat sekiranya saya bersedekah sesuatu untuknya / baginya?. Baginda menjawab: Ya, (ia bermanfaat).

Beliau pun berkata: (Jika begitu), maka saya sesungguhnya menjadikan Tuan sebagai saksi bahawa kebun saya yang

berbuah ini (atau bernama *al-Mikhrāf* ini)⁵ adalah merupakan sedekah buat ibu saya (yang telah wafat).”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2756 [Lafaz di atas], 2762 & 2770; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 669 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 2882 dan lain-lain.

Rumusan: Isu Pahala Yang Sampai kepada Orang Telah Wafat

Amalan Sendiri		Amalan Orang Lain
Amalan Sendiri Secara <i>Kasb / Iktisab</i>	Amalan Sendiri Dengan <i>Tasabbub</i>	Amalan Orang Lain Untuk Seseorang Yang Lain (Masih Hidup atau Telah Wafat)
Yang Dilakukan Dengan Usaha Sendiri	Menjadi Sebab bagi Kebaikan Tersebut	Dengan niat atau doa atau izin wali/waris untuk orang lain tersebut
Solat Puasa Zakat Haji Umrah Qur’an Doa Sedekah Wakaf Zikrullah Dan lain-lain	Sedekah Jariyah/ Wakaf Telaga Yang Dibuat Mushaf Yang Diwakaf Ilmu Yang Dimanfaatkan Didikan anak Soleh Dan lain-lain	Qur’an Doa Sedekah Wakaf Zikrullah Selawat Istighfar Puasa Ganti/Hutang Zakat Ganti/Hutang Badal Haji / Nazar Umrah Dan lain-lain
Setelah wafat		
Terputus	Masih Berterusan	

⁵ Menurut Imam al-Qasṭallānī, *al-Mikhrāf* mungkin merupakan sifat atau nama bagi kebun tersebut.

Hadith 26: Wakaf – Mengekalkan Asas Harta dan Mengalirkan Manfaat dan Hasilnya

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، قَالَ:

أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفُسٌ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُنِي بِهِ؟، قَالَ: ((إِن شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا))، قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلَا يُبْتَاعُ، وَلَا يُورَثُ، وَلَا يُوهَبُ، قَالَ: فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ، وَفِي الْقُرْبَى، وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالضَّيْفِ، لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘ Umar رضي الله عنهما, beliau berkata:

“ ‘Umar (al-Khattab) رضي الله عنه telah mendapat sebidang tanah di Khaybar, lalu beliau datang kepada Nabi ﷺ dan meminta perintah daripada Baginda berkenaannya.

Beliau berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya telah mendapat sebidang tanah di Khaybar, dan saya tidak pernah mendapatkan sesuatu harta yang lebih berharga di sisi saya berbandingnya, maka apakah yang tuan perintahkan untuk saya lakukan dengannya?.

Baginda bersabda: Sekiranya kamu mahu, maka kamu wakafkan asasnya dan kamu bersedekah (daripada hasil dan manfaat)nya.

‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنهما berkata: Maka beliau (‘Umar رضي الله عنه) pun bersedekah dengannya pada para orang-orang fakir miskin, dan pada kaum kerabat, dan pada para hamba, dan di jalan Allah, dan orang-orang yang bermusafir, dan para tetamu, (dan) tidak menjadi kesalahan bagi sesiapa yang menjaganya untuk makan daripada hasilnya dengan makruf (munasabah) atau memberi makan kepada sahabatnya, dengan tidak membuat keuntungan daripadanya.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2737 & 2772 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan) dan lain-lain.

Nota:


Hadith ini merupakan dalil yang sangat jelas bagi penshariatan wakaf. Rasulullah ﷺ mencadangkan agar manfaat tanah tersebut diagihkan dan tanah tersebut ditahan dan dikekalkan bagi tujuan tersebut. Al-Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani menyebut di dalam Fath al-Bahri

وَحَدِيثُ عُمَرَ هَذَا أَصْلٌ فِي مَشْرُوعِيَّةِ الْوَقْفِ

“Dan hadith ‘Umar رضي الله عنه ini adalah merupakan asas bagi penshariatan Wakaf.”

Gambarajah di bawah menggambarkan Wakaf yang dibuat oleh Saidina Umar al-Khattab ﷺ yang menjadi asas bagi penshariatan Wakaf berdasarkan hadith di atas.

Wakaf Saidina Umar al-Khattab ﷺ



Hadith 27: Memberi Minum atau Air adalah Sedekah Yang Terbaik

عَنْ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ رضي الله عنه، قَالَ:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: ((سَقْيُ الْمَاءِ))

Daripada Sa' d Ibn ' Ubadah رضي الله عنه, beliau berkata:

“Saya berkata: Wahai Rasulullah, apakah sedekah yang paling afdal?. Baginda bersabda: Memberi minum air.”

T: (al-Nasā'ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 3664, 3665 [Lafaz di atas] & 3666; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah); (Ibn Hibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān) dan lain-lain.

27.1 Memberi Minum Seorang Muslim Yang Haus

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((... وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ سَقَى مُسْلِمًا عَلَى ظَمًا سَقَاهُ اللَّهُ مِنَ الرَّحِيقِ الْمَخْتُومِ))

Daripada Abu Sa' id (al-Khudri) رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi صلى الله عليه وسلم bahawa Baginda bersabda:

“Dan mana-mana Muslim yang memberi minum kepada seorang Muslim yang sedang haus, maka Allah akan memberinya minum dari al-rahiq al-makhtum (salah satu minuman istimewa yang ada di syurga).”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 1682 [Lafaz di atas adalah sebahagian petikan daripada hadith]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā) dan lain-lain.

Hadith 28: Memberi Makanan

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((... وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ أَطْعَمَ مُسْلِمًا عَلَى جُوعٍ أَطْعَمَهُ اللَّهُ مِنْ ثَمَارِ الْجَنَّةِ، ...))

Daripada Abu Sa' id (al-Khudri) رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi صلى الله عليه وسلم bahawa Baginda bersabda:

“Dan mana-mana Muslim yang memberi makan kepada seorang Muslim yang sedang lapar, maka Allah akan memberinya makanan dari buah-buahan syurga.”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 1682 [Lafaz di atas adalah sebahagian petikan daripada hadith]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā) dan lain-lain.

28.1 Kelebihan Memberi Makanan dan Minuman

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم:

((مَنْ أَطْعَمَ أَخَاهُ خُبْزًا حَتَّى يُشْبِعَهُ، وَسَقَاهُ مَاءً حَتَّى يَرْوِيَهُ، بَعَدَهُ اللَّهُ عَنِ النَّارِ سَبْعَ خَنْدَاقٍ، بَعْدَ مَا بَيْنَ خَنْدَقَيْنِ مَسِيرَةُ خَمْسِمِائَةِ سَنَةٍ)) .

Daripada 'Abdullah Ibn 'Amr Ibn al-'As رضي الله عنه, beliau berkata:

Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Barangsiapa yang memberi makan kepada saudaranya sekeping roti sehingga dia merasa kenyang, dan memberinya minum sehingga dia hilang dahaga, maka Allah akan menjauhkannya dari api neraka sebanyak tujuh khandaq (parit). Dan jauh di antara dua khandaq tersebut adalah sejauh perjalanan lima ratus tahun.”

T:{al-Hakim, 1990 #249}, No. 7228 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا)
(حَدِيثٌ صَحِيحٌ الْإِسْنَادِ، وَلَمْ يُحْرَجْ لَهُ); (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Awṣaṭ),
No. 6518 dan lain-lain.

28.2 Memberi Makanan kepada Jiran Yang Memerlukan

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((مَا آمَنَ بِي مِنْ بَاتٍ شَبَعَانًا وَجَارُهُ جَائِعٌ إِلَى جَنْبِهِ وَهُوَ يَعْلَمُ بِهِ))

Daripada Anas Bin Malik رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ
bersabda:

“Tidak beriman denganku (dengan iman yang sempurna)
seseorang yang tidur dalam keadaan kenyang sedangkan
jirannya di sebelahnya tidur dalam keadaan lapar, dan dia
mengetahui tentang keadaan (jiran)nya itu.”

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 751 [Lafaz di atas] &
(al-Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār ‘an Zawā’id al-Bazzār), No. 119.

28.3 Jamuan Makan Walimah

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَأَى عَلَى عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ أَثَرَ صُفْرَةٍ، فَقَالَ: ((مَا هَذَا؟))، قَالَ:
يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي تَزَوَّجْتُ امْرَأَةً عَلَى وَرَنِ نَوَاةٍ مِنْ ذَهَبٍ، قَالَ: ((فَبَارَكَ اللَّهُ لَكَ،
أَوْلِمُ وَلَوْ بِشَاةٍ))

Daripada Anas Ibn Malik رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Nabi ﷺ telah melihat pada ‘Abd al-Rahman Ibn
‘Awf kesan warna kuning, lalu Baginda bertanya: Apakah ini? .

Beliau menjawab: Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya telah berkahwin dengan seorang perempuan dengan timbangan biji dari emas. Baginda bersabda: Semoga Allah memberkati kamu, buatlah walimah (jamuan makan perkahwinan) walau dengan seekor kambing.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1427 [Lafaz di atas].

Hadith 29: Memberi Pakaian

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((أَيُّمَا مُسْلِمٍ كَسَا مُسْلِمًا ثَوْبًا عَلَى عُرِّيٍّ كَسَاهُ اللَّهُ مِنْ خُضْرِ الْجَنَّةِ ...))

Daripada Abu Sa‘id al-Khudri رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Mana-mana Muslim yang memberi pakaian kepada seorang Muslim lain yang tidak mempunyai pakaian, maka Allah صلى الله عليه وسلم akan memakaikannya dengan pakaian-pakaian hijau dari syurga.”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 1682 [Lafaz di atas adalah sebahagian petikan daripada hadith]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad); (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā) dan lain-lain.

Nota:

Pakaian berwarna hijau disebut sebagai [إقامة الصفة مقام الموصوف].

29.1 Orang Yang Memberi Pakaian Berada di dalam Perlindungan Allah

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:

((مَا مِنْ مُسْلِمٍ كَسَا مُسْلِمًا ثَوْبًا إِلَّا كَانَ فِي حِفْظٍ مِنَ اللَّهِ مَا دَامَ مِنْهُ عَلَيْهِ خِرْقَةٌ))

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنه, beliau berkata: Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidak ada seorang Muslim pun yang memberi suatu pakaian kepada seorang Muslim yang lain melainkan dia (si pemberi) akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan/ perlindungan Allah selama mana pakaian itu masih dipakainya (bersamanya).”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2484 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ); (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 7484; (al-Tabarānī (360H), - al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 12591; (al-Bayhaqī (458H), - Shu‘ab al-Imān), No. 6288 dan lain-lain.

Hadith 30: Membuat Kebajikan Sedekah Kepada Haiwan Yang Bernyawa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ اشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ، فَوَجَدَ بئْرًا فَنَزَلَ فِيهَا فَشَرِبَ، ثُمَّ خَرَجَ، فَإِذَا كَلْبٌ يَلْهَثُ يَأْكُلُ الثَّرَى مِنَ الْعَطَشِ، فَقَالَ الرَّجُلُ: لَقَدْ بَلَغَ هَذَا الْكَلْبُ مِنَ الْعَطَشِ مِثْلَ الَّذِي كَانَ بَلَغَ مِنِّي، فَنَزَلَ الْبئْرَ فَمَلَأَ خُفَّهُ مَاءً، ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِنَفْسِهِ حَتَّى رَقِيَ، فَسَقَى الْكَلْبَ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ، فَغَفَرَ لَهُ))، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنَّا لَنَافِي هَذِهِ الْبَهَائِمِ لِأَجْرًا، فَقَالَ: ((فِي كُلِّ كَبِدٍ رَطْبَةٌ أَجْرٌ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Pernah pada satu ketika ada seorang lelaki yang sedang melalui sebuah jalan dan dia merasa sangat haus. Kemudian dia menjumpai sebuah telaga dan dia turun ke dalamnya dan minum airnya. Setelah itu dia pun keluar, dan dia melihat seekor anjing yang menjelirkan lidahnya dan memakan tanah kerana terlalu haus. Lelaki itu pun berkata: Anjing ini merasa tersangat haus sepertimana aku sebentar tadi. Lalu dia pun turun ke dalam telaga dan memenuhi kasutnya dengan air, dan dia memegangnya dengan mulutnya sehinggalah dia naik ke atas, dan memberi minum kepada anjing tersebut. Maka Allah ﷻ pun mensyukurinya dan memberi keampunan kepadanya.

Mereka [para sahabat ﷺ] berkata: Wahai Rasulullah, dan adakah bagi kami ganjaran pahala terhadap apa sahaja [kebajikan] yang kami lakukan terhadap haiwan-haiwan ini?

Baginda ﷺ bersabda: “Pada setiap (kebaikan yang dilakukan terhadap) haiwan yang hidup, ada ganjaran pahala.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 174, 2363, 2466 & 6009; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2246 [Lafaz di atas] dan lain-lain.

Hadith 31: Memerdekakan Hamba

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((مَنْ أَعْتَقَ رَقَبَةً، أَعْتَقَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِنْهَا عَضْوًا مِنْ أَعْضَائِهِ مِنَ النَّارِ، حَتَّى فَرَجَهُ بِفَرَجِهِ))

Daripada Abu Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barangsiapa yang memerdekakan seorang hamba, maka Allah akan membebaskan dengan setiap anggota badan hamba tersebut anggota yang serupa pada tubuhnya dari api neraka, sehinggakan kemaluannya (si hamba yang dimerdekakan) dengan kemaluannya (orang yang memberi kemerdekaan).”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6715 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim) dan lain-lain.

**﴿ TAKAFUL – BANTU-MEMBANTU DI DALAM
KESUSAHAN ﴾**

Hadith 32: Takāful Ijtimā'ī (Bantu-Membantu Sesama Masyarakat Yang Berada di dalam Kepayahan)

عَنْ جَرِيرٍ رضي الله عنه، قَالَ:

كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي صَدْرِ النَّهَارِ قَالَ فَجَاءَهُ قَوْمٌ حُفَاةٌ عُرَاةٌ مُجْتَابِي النَّارِ أَوْ الْعَبَاءِ مُتَقَلِّدِي السُّيُوفِ عَامَّتُهُمْ مِنْ مُضَرَ بَلْ كُلُّهُمْ مِنْ مُضَرَ فَتَمَعَّرَ وَجْهَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ لِمَا رَأَى بِهِمْ مِنَ الْفَاقَةِ فَدَخَلَ ثُمَّ خَرَجَ فَأَمَرَ بِاللَّيْلِ فَأَذَّنَ وَأَقَامَ فَصَلَّى ثُمَّ خَطَبَ فَقَالَ: ((يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ إِلَى آخِرِ الْآيَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا)) وَالْآيَةُ الَّتِي فِي الْحُشْرِ ((اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ)) تَصَدَّقَ رَجُلٌ مِنْ دِينَارِهِ مِنْ دِرْهَمِهِ مِنْ ثَوْبِهِ مِنْ صَاعٍ بُرِّهِ مِنْ صَاعٍ تَمْرِهِ (حَتَّى قَالَ) وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ))، قَالَ: فَجَاءَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ بِبُصْرَةٍ كَادَتْ كَفُّهُ تَعَجُّزُ عَنْهَا بَلْ قَدْ عَجَزَتْ قَالَ ثُمَّ تَتَابَعَ النَّاسُ حَتَّى رَأَيْتُ كَوْمَيْنِ مِنْ طَعَامٍ وَثِيَابٍ حَتَّى رَأَيْتُ وَجْهَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ يَتَهَلَّلُ كَأَنَّهُ مُذْهَبَةٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ))

Daripada Jarir Ibn Abdullah رضي الله عنه, beliau berkata:

“Ketika kami sedang berada di sisi Rasulullah ﷺ pada waktu tengahari, maka datanglah satu kaum yang dalam keadaan

tidak beralas kaki dan tidak cukup pakaian, mereka memakai penutup kepala yang terkoyak sambil menggantungkan pedang di badan mereka, kebanyakan mereka adalah dari (qabilah) Mudar, bahkan setiap mereka adalah dari Mudar. Maka berubah wajah Rasulullah ﷺ kerana melihat kesusahan yang mereka hadapi. Maka Rasulullah ﷺ pun memasuki (rumah) dan kemudian keluar serta memerintahkan Bilal ؓ untuk melakukan azan dan iqamah (Zohor). Setelah itu, Baginda ﷺ (dan para sahabat ؓ) bersolat. Setelah selesai solat, Baginda ﷺ berkhotbah dan membaca ayat al-Quran (dari Surah al-Nisaa': Ayat 1 dan Surah al-Hashr: Ayat 18).

[1] Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

[18] Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

(Serta bersabda):

“Bersedekahlah seseorang itu daripada dinarnya, daripada dirhamnya, daripada pakaiannya, daripada segantang gandumnya, daripada segantang tamarnya, (sehingga Baginda ﷺ bersabda) walaupun dengan sebahagian daripada sebiji tamarnya.”

Maka orang ramai agak perlahan untuk mula bersedekah. Maka datanglah seorang lelaki daripada Ansar dengan satu kantung yang hampir-hampir tidak mampu dipegang dengan tapak tangannya. Maka setelah itu, orang ramai pun terus bersedekah secara berterusan sehingga terkumpulnya dua longgokan besar pakaian dan makanan dan sehingga aku telah melihat wajah Rasulullah ﷺ berseri-seri seolah-olah bekas yang bersinar. Maka Baginda ﷺ pun bersabda:

“Barangsiapa yang mencipta di dalam Islam satu sunnah yang baik, maka dia memperoleh pahalanya dan pahala orang-orang yang beriman dengannya (sunnah tersebut) selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa mencipta satu sunnah yang buruk, maka dia memperoleh dosanya dan dosa orang-orang yang beriman dengan sunnah (yang buruk) tersebut selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun dosa-dosa mereka.”Daripada

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No.1020 [Lafaz di atas].

Hadith 33: *Tanāhud* (Berkongsi Nafkah Ketika Dalam Keadaan Susah)

عَنْ أَبِي مُوسَى رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

((إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْغَزْوِ أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ، ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِثْنَاءِ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ، فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ))


Daripada Abū Mūsā (al-Ash‘arī) رضي الله عنه, beliau berkata: Nabi ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya ahli keluarga al-Ash‘ariyyīn itu apabila bekalan makanan mereka hampir kehabisan di dalam peperangan atau makanan keluarga mereka menjadi sedikit di Madinah, mereka akan mengumpulkan apa yang ada di sisi mereka di dalam satu pakaian dan kemudiannya membahagikannya di kalangan mereka di dalam bekas yang satu dengan sama rata.

Aku adalah daripada mereka dan mereka adalah daripadaku (tanda kerelaan Baginda ﷺ terhadap amalan ini).”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2486 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2504; (Abu ‘Awanah (316H), 1998 - Mustakhraj Abi ‘Awanah), No. 7407; (al-Nasāī (303H), 1986 - al-Sunan al-Kubrā), No. 8747; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 18812; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 7309 dan lain-lain.

Tanāhud (Berkongsi Nafkah Ketika Dalam Keadaan Susah)



﴿ IBADAT HARTA BERKAITAN PUSAKA DAN PEWARIS ﴾

Hadith 34: Bertabarru ‘ Melalui Wasiat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((إِنَّ اللَّهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ عِنْدَ وَفَاتِكُمْ بِثُلُثِ أَمْوَالِكُمْ زِيَادَةً لَكُمْ فِي أَعْمَالِكُمْ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah ﷻ bersedekah ke atas kamu ketika kamu akan meninggal dunia dengan (memberi kamu peluang untuk bertabarru ‘ / bersedekah dengan) satu pertiga dari harta kamu, (bagi menjadi) tambahan bagi kamu dalam amalan-amalan (soleh) kamu.”

T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 2709 [Lafaz di atas]; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā); (al-Bayhaqī (458H), 2001 - Ma‘rifat al-Sunan wa al-Athār); (al-Tahawi (321H), - Sharh Ma‘ani al-Athar); (Malik (179H), 1998 - al-Mudawwanah al-Kubra); (Ibn Hazm al-Zahiri (456H), - al-Muhalla bi al-Athar); (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’) & (al-Khatib al-Baghdadi (463H), 2001 - Tarikh Baghdad).

Hadith 35: Membahagikan Fara'id

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
((أَلْحِقُوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا فَمَا بَقِيَ فَهُوَ لِأَوْلَى رَجُلٍ ذَكَرَ))

Daripada Abdullah Ibn 'Abbas رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Berikanlah bahagian-bahagian yang telah difardukan kepada ahlinya/pemiliknya (*ashḥāb al-furūd*) terlebih dahulu, dan apa yang tertinggal (berbaki) ialah bagi lelaki yang paling utama (secara *ta' ṣīb*).”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6732 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim) dan lain-lain.

Di dalam riwayat yang lain:

اقْسِمُوا الْمَالَ بَيْنَ أَهْلِ الْفَرَائِضِ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ، فَمَا تَرَكَتِ الْفَرَائِضُ، فَلِأَوْلَى رَجُلٍ
ذَكَرَ

“Bahagikanlah harta di antara pemilik bahagian mengikut kitab Allah (al-Qur'an). Maka, apa yang tertinggal daripada baki lebihan pembahagian ialah bagi lelaki yang paling utama.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1616.

Nota:

Dan ada athar yang menyebut:

إِنَّ مَنْ يُفْرِضُ الْفَرِيضَةَ فَكَأَنَّمَا يُعْتِقُ رَقَبَهُ

“Sesungguhnya barangsiapa yang membuat pembahagian (harta warisan), maka dia seolah-olah sedang membebaskan seorang hamba.”

Hadith 36: Meninggalkan Waris Dengan Bekalan Harta

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رضي الله عنه، قَالَ:

مَرَضْتُ مَرَضًا أَشْفَيْتُ مِنْهُ، فَأَتَانِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَعُودُنِي، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ لِي مَالًا كَثِيرًا وَلَيْسَ يَرِثُنِي إِلَّا ابْنَتِي، أَفَأَتَصَدَّقُ بِثُلثِي مَالِي؟ قَالَ: ((لَا))، قُلْتُ: فَالْشَّطْرُ؟ قَالَ: ((لَا))، قُلْتُ: فَالثلث؟ قَالَ: ((الثلث، والثلث كثير، إنك أن تترك ورثتك أغنياء خير لهم من أن تتركهم عالة يتكففون الناس))

Daripada Sa' d Ibn Abi Waqqas رضي الله عنه, beliau berkata:

“Saya telah jatuh sakit sehingga saya merasakan saya hampir mati kerananya (sakit yang teruk), maka Baginda Rasulullah ﷺ telah datang melawat saya. Saya pun berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya mempunyai harta yang banyak, dan tidak ada yang akan mewarisi saya melainkan seorang anak perempuan saya, adakah patut saya bersedekah dengan dua pertiga harta saya?. Baginda menjawab: Tidak. Saya berkata: Jika satu perdua?. Baginda menjawab: Tidak. Saya berkata: Jika satu pertiga?.

Baginda pun bersabda: Satu pertiga (dibolehkan), dan satu pertiga itu sudah banyak. Sesungguhnya jika engkau meninggalkan para pewarismu dalam keadaan kaya adalah lebih baik bagi kamu daripada kamu meninggalkan mereka

adalah keadaan miskin/ tiada tempat pergantungan sehingga mereka terpaksa meminta-minta daripada orang lain.”

T: (al-Nasā'ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 3626 [Lafaz di atas]; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī); (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud) dan lain-lain.

﴿ IBADAT HARTA DAN HUKUMAN ﴾

Hadith 37: Kaffarah Sumpah (*Kaffārat al-Yamān*) dan Nazar

عَنْ عَدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :

((إِذَا حَلَفَ أَحَدُكُمْ عَلَى الْيَمِينِ فَرَأَى خَيْرًا مِنْهَا ، فَلْيُكْفِرْهَا وَلْيَأْتِ الَّذِي هُوَ خَيْرٌ))

((

Daripada ‘Adī Ibn Ḥātim رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Apabila salah seorang daripada kamu melakukan sumpah (untuk melakukan sesuatu perkara), kemudian dia melihat (berpandangan) perkara lain adalah lebih baik daripadanya (perkara yang dijadikan sumpah), maka hendaklah dia melakukan kaffarah bagi sumpahnya dan hendaklah dia mendatangi (melakukan) perkara yang lebih baik itu.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1651, 1652 & 1653 [Lafaz di atas]; (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) dan lain-lain.

Nota:

Kaffarah sumpah ada 4 cara - tiga secara pilihan (*takhyir*), dan yang ke-4 hanya dilakukan apabila 3 pilihan utama tidak dapat dilakukan – adalah berikut:

1. Memberi makan sehingga kenyang kepada sepuluh (10) orang fakir miskin [Sebahagian fatwa membenarkan dibayar dengan nilai wang tempatan]; atau

2. Memberi pakaian kepada kepada sepuluh (10) orang fakir miskin; atau
3. Membebaskan seorang hamba [namun, tiada pada hari ini].
Jika tidak mampu, maka:
4. Berpuasa sebanyak tiga (3) hari.

37.1 Kaffarah Nazar adalah Sama Seperti Kaffarah Sumpah

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، قَالَ:
 ((كَفَّارَةُ النَّذْرِ كَفَّارَةُ الْيَمِينِ))

Daripada ‘Uqbah Ibn ‘Āmir رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Kaffarah nazar adalah seperti kaffarah sumpah.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1646; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (al-Nasā‘ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Suḡhrā / al-Mujtabā min al-Sunan); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) dan lain-lain.

Di dalam riwayat al-Imam al-Tirmidhi, lafaznya berbunyi:

((كَفَّارَةُ النَّذْرِ إِذَا لَمْ يُسَمَّ كَفَّارَةُ يَمِينٍ))

“Kaffarah nazar, jika tidak disebut (ketika melakukan nazar), maka ia adalah (seperti) kaffarah sumpah.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1528 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ).

Hadith 38: Membayar *Kaffārah* ‘*Uzmā* Kerana Melanggar Larangan Bersetubuh Ketika Berpuasa Ramadan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه:

أَنَّ رَجُلًا وَقَعَ بِأَمْرَاتِهِ فِي رَمَضَانَ، فَاسْتَفْتَى رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنْ ذَلِكَ، فَقَالَ: ((هَلْ تَجِدُ رَقَبَةً؟))، قَالَ: لَا، قَالَ: ((وَهَلْ تَسْتَطِيعُ صِيَامَ شَهْرَيْنِ؟))، قَالَ: لَا، قَالَ: ((فَأَطْعِمِ سِتِينَ مِسْكِينًا))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya ada seorang lelaki yang telah menyetubuhi isterinya pada (siang) Ramadan, lalu dia datang meminta fatwa daripada Rasulullah ﷺ tentang perkara tersebut. Baginda pun bertanya: Adakah kamu mempunyai seorang hamba (untuk dibebaskan)?, dia menjawab: Tidak. Baginda bertanya lagi: Adakah kamu mampu untuk berpuasa dua bulan (berturut-turut)?, dia menjawab: Tidak. Baginda pun bersabda: Maka berilah makan kepada enam puluh (60) orang miskin.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1112/1878 - Lafaz di atas; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (Ibn Mājah (273H), - Sunan Ibn Mājah); (al-Dārimī (255H), - Sunan al-Dārimī); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) dan lain-lain.

38.1 Membayar *Kaffārah* ‘*Uzmā* Kerana Melanggar Larangan Bersetubuh Ketika Berpuasa Ramadan (B)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: هَلَكْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: ((وَمَا أَهْلَكَ؟))، قَالَ: وَقَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي فِي رَمَضَانَ، قَالَ: ((هَلْ تَجِدُ مَا تُعْتِقُ رَقَبَةً؟))، قَالَ: لَا، قَالَ: ((فَهَلْ تَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ؟))، قَالَ: لَا. قَالَ: ((فَهَلْ تَجِدُ مَا تُطْعِمُ سِتِّينَ مَسْكِينًا؟))، قَالَ: لَا، قَالَ: ثُمَّ جَلَسَ فَأُتِيَ النَّبِيُّ ﷺ بِعَرَقٍ فِيهِ تَمْرٌ، فَقَالَ: ((تَصَدَّقْ بِهَذَا))، قَالَ: أَفْقَرَ مِنَّا فَمَا بَيْنَ لَابَتَيْهَا أَهْلٌ بَيْتِ أَحْوَجَ إِلَيْهِ مِنَّا، فَضَحِكَ النَّبِيُّ ﷺ حَتَّى بَدَتْ أَنْيَابُهُ ثُمَّ قَالَ: ((اذْهَبْ فَأَطْعِمْهُ أَهْلَكَ)).

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

“Seorang lelaki telah datang kepada Nabi ﷺ dan berkata: Diri saya telah rosak/musnah, wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Apakah yang telah merosakkan kamu?, dia menjawab: Saya telah menyetubuhi isteri saya di bulan Ramadan. Baginda bersabda: Adakah kamu mempunyai kemampuan untuk memerdekakan seorang hamba?, dia menjawab: Tidak. Baginda bersabda lagi: Adakah kamu mampu untuk berpuasa dua bulan secara berturut-turut?, dia menjawab: Tidak. Baginda bersabda: Adakah kamu mempunyai kemampuan untuk memberi makan kepada enam puluh (60) orang miskin?, dia menjawab: Tidak. (Perawi) berkata: Kemudian dia pun duduk. Setelah itu, Rasulullah ﷺ didatangkan (dihadiahkan) dengan satu bekas yang terdapat tamar di dalamnya dan Baginda bersabda: Berilah sedekah dengan (bekas tamar) ini, dia berkata: Untuk

seseorang yang lebih faqir daripada kami?, tidak ada di antara dua sempadan kawasan (Madinah) ini sebuah isi rumah yang lebih berhajat daripada kami. Maka Baginda Nabi ﷺ tersenyum sehingga kelihatan gigi taring Baginda yang mulia, kemudian Baginda bersabda: Pergilah, dan berikanlah keluarga kamu makan makanan ini.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1112/1877 - Lafaz di atas; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud); (Ibn Mājah (273H), - Sunan Ibn Mājah); (al-Dārimī (255H), - Sunan al-Dārimī); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) dan lain-lain.

Nota:

Seseorang mukallaf yang berpuasa, dan berjima’ pada siang hari bulan Ramadan sehingga mendatangi faraj, dengan kemaluannya, dengan sengaja, rela tidak dipaksa, mengetahui pengharamannya, serta telah berniat pada malam hari untuk berpuasa pada siang hari tersebut, maka: dia berdosa kerana membatalkan puasanya, wajib mengqada’kan puasanya serta melaksanakan kaffarah kubra.

Penerangan di atas memberi maksud bahawa:

- Pihak yang diwati’ (disetubuhi) tidak wajib ke atasnya kaffarah kubra sama ada dia perempuan atau lelaki; sama ada dia penyebab berlakunya wat’ (persetubuhan) tersebut atau secara rela diwati’;
- Lelaki yang mewati’ faraj dalam keadaan lupa atau dipaksa atau jahil berkenaan pengharaman wat’ tersebut dengan kejahilan yang diuzurkan tidak diwajibkan ke atasnya kaffarah. Namun begitu, sekiranya dia hanya jahil berkenaan kewajipan kaffarah kubra semata-mata (iaitu tahu

pengharaman wat' di siang Ramadan bagi yang berpuasa), maka wajib jua kaffarah kubra ke atasnya.

- Seseorang yang tidak berpuasa dan berbuka di siang hari Ramadan dengan keuzuran yang dibenarkan seperti sakit atau musafir dan berjima' pada siang hari tersebut, maka tidak diwajibkan kaffarah ke atasnya.
- Begitu juga sekiranya seseorang itu berbuka dengan makan atau minum dengan sengaja terlebih dahulu dan kemudiannya dia berjima', maka tidak diwajibkan kaffarah kubra ke atasnya kerana dia berjima' dalam keadaan tidak berpuasa.

Hadith 39: Fidyah Puasa

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ :

((مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامُ شَهْرٍ فَلْيُطْعَمْ عَنْهُ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا))

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Umar رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

“Barangsiapa yang meninggal dunia dan dia masih mempunyai kewajiban puasa bulan (Ramadan) yang belum ditunaikan, maka hendaklah diberi makan untuk pihaknya sebagai ganti bagi setiap hari seorang miskin.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 718 [Lafaz di atas]; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah); (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah); (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā) dan lain-lain.

Nota:

Apabila seseorang itu meninggal dunia dan dia meninggalkan kewajiban qada’ puasa sama ada puasa Ramadan atau nazar atau kaffarah, maka ia terbahagi kepada dua keadaan:

Keadaan pertama: Uzur baginya menanggungkan qada’ puasanya itu berterusan sehingga kematiannya dan dia tidak mempunyai peluang untuk melakukan qada’ tersebut, maka tidak diwajibkan apa-apa ke atasnya sama ada qada’ atau fidyah.

Keadaan kedua: Keuzurannya itu tidak berterusan dan dia telah mempunyai peluang untuk melakukan qada’ tetapi dia tidak melakukannya sehingga kewafatannya, maka para ulama’ berbeza pandangan berkenaan hal ini:

1. Pandangan yang paling sahih dan jadid dalam mazhab Shafi'i, Hanafiyyah, Malikiyyah dan mazhab di sisi Hanabilah (Majoriti ulama'): Tidak dilakukan puasa bagi pihak si mati tetapi dibayar fidyah baginya.
2. Pandangan qadim di sisi Shafi'iyyah dan pilihan Imam al-Nawawi di dalam al-Majmu' serta pandangan Abu al-Khattab dari Hanabilah: Diharuskan bagi walinya berpuasa bagi pihaknya, dan ianya dikira sah dan boleh menggantikan kewajipan fidyah, serta dhimmah si mati boleh bebas dengan gantian tersebut. Bahkan, ia adalah pilihan bagi wali si mati sama ada untuk berpuasa ganti atau melaksanakan fidyah.

Golongan yang perlu membayar fidyah adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Hukum	Keadaan
Harus Berbuka serta Qada' dan Fidyah Wajib dan	<ul style="list-style-type: none"> • Perempuan yang mengandung (<i>al-hamil</i>) atau yang sedang menyusukan anaknya dengan susu badan (<i>al-murdi</i>) yang takutkan keselamatan kandungan atau anaknya semata-mata. • Orang yang berbuka dengan tujuan untuk menyelamatkan binatang atau manusia yang hampir mati dan takutkan keselamatan mereka semata-mata. • Orang yang menanggukkan Qada' puasa Ramadan sehingga ke Ramadan yang baru tanpa keuzuran.
Berbuka Mewajibkan Fidyah Yang tanpa Qada'	<ul style="list-style-type: none"> • Orang tua atau pesakit yang tidak diharapkan kesembuhannya. • Seseorang yang wafat sedangkan dia masih mempunyai kewajipan puasa yang tidak dilaksanakan, maka dia mempunyai dua kemungkinan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Dia meninggalkan puasa kerana keuzuran dan tidak juga dapat melaksanakan qada'

puasa kerana uzurnya yang berterusan, maka dia dikira tidak berdosa dan warisnya tidak wajib membayar fidyah.

- (i) Dia meninggalkan puasa kerana keuzuran dan dia berkesempatan untuk melakukan Qada', akan tetapi dia wafat sebelum sempat melakukannya, atau (ii) dia meninggalkan puasa tanpa keuzuran, namun dia tidak berkesempatan melakukan Qada', atau (iii) dia meninggalkan puasa tanpa keuzuran, namun dia berkesempatan melakukan Qada', maka dalam ketiga-tiga keadaan ini, warisnya wajib membayar fidyah bagi setiap hari yang tidak diqada' dari harta peninggalan si mati.

Hadith 40: Qisas, Diyat Mughallazah dan Diyat

عَنْ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ رضي الله عنه:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَتَبَ إِلَى أَهْلِ الْيَمَنِ كِتَابًا فِيهِ الْفَرَائِضُ وَالسُّنَنُ وَالذِّيَّاتُ، وَبَعَثَ بِهِ مَعَ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ، فَقُرِئَتْ عَلَى أَهْلِ الْيَمَنِ هَذِهِ نُسَخَتُهَا: ((مِنْ مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ ﷺ إِلَى شَرْحِبِيلَ بْنِ عَبْدِ كَلَالٍ، وَنُعَيْمِ بْنِ عَبْدِ كَلَالٍ، وَالْحَارِثِ بْنِ عَبْدِ كَلَالٍ، قَتِيلِ ذِي رُعَيْنٍ وَمَعَاظِرَ، وَهَمْدَانَ أَمَا بَعْدُ، وَكَانَ فِي كِتَابِهِ: ((أَنْ مَنْ اغْتَبَطَ مُؤْمِنًا قَتَلًا عَنْ بَيِّنَةٍ، فَإِنَّهُ قَوْدٌ إِلَّا أَنْ يَرْضَى أَوْلِيَاءُ الْمَقْتُولِ، وَأَنَّ فِي النَّفْسِ الدِّيَةَ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي الْأَنْفِ إِذَا أُوعِبَ جَدْعُهُ الدِّيَةُ، وَفِي اللِّسَانِ الدِّيَةُ، وَفِي الشَّفَتَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الْبَيْضَتَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الذَّكْرِ الدِّيَةُ، وَفِي الصُّلْبِ الدِّيَةُ، وَفِي الْعَيْنَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الرَّجْلِ الْوَاحِدَةِ نِصْفُ الدِّيَةِ، وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ، وَفِي الْجَائِفَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ، وَفِي الْمُنْقَلَةِ خَمْسُ عَشْرَةَ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي كُلِّ أَصْبَعٍ مِنْ أَصَابِعِ الْيَدِ وَالرَّجْلِ عَشْرٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي السِّنِّ خَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي الْمَوْضِحَةِ خَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَأَنَّ الرَّجُلَ يُقْتَلُ بِالْمَرْأَةِ وَعَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفُ دِينَارٍ))

Daripada ‘Amr Ibn Hazm رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Rasulullah telah menulis kepada penduduk Yaman sebuah surat yang menerangkan padanya perkara-perkara fara'id, sunnah-sunnah dan diyat-diyat, dan Baginda mengutuskannya bersama ‘Amr Ibn Hazm dan ia dibacakan kepada penduduk Yaman, dan inilah salinannya:

Daripada Nabi Muhammad ﷺ kepada Shurahbil Ibn ‘Abd Kulal, Nu‘aym Ibn ‘Abd Kulal, al-Harith Ibn ‘Abd Kulal, Qayl Dhi

Ru'ayn, Ma'afir dan Hamdan, adapun selepas itu, dan di dalam surat Baginda itu:

Sesungguhnya barangsiapa yang membunuh dengan sengaja seorang mukmin maka dia perlu diqisas melainkan ahli keluarga si mati memberi kemaafan. Dan pada pembunuhan seseorang, diyatnya adalah seratus ekor unta. Dan pada hidung apabila dipotong habis, ada diyat; dan pada lidah, ada diyat, dan pada dua bibir, ada diyat; dan pada dua telur, ada diyat; dan pada zakar, ada diyat; dan pada tulang sulbi/belakang, ada diyat; dan pada kedua-dua mata, ada diyat; dan pada satu kaki, separuh diyat; dan pada ma'mumah, satu pertiga diyat; dan pada ja'ifah, satu pertiga diyat; dan pada munaqqilah, lima belas (15) unta; dan pada setiap satu jari tangan dan kaki, sepuluh unta; dan pada gigi, lima unta; dan pada mudihah, lima unta; dan sesungguhnya lelaki itu dibunuh kerana membunuh wanita; dan ke atas pemilik emas, seribu dinar.”

T: (al-Nasā'ī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 4853 [Lafaz di atas].

40.1 al-Qatl al-Khata': Diyah Mukhaffafah dan Kaffarah

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنه:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَضَى أَنْ مَنْ قُتِلَ خَطَأً فِدْيَتُهُ مِائَةٌ مِنَ الْإِبِلِ: ثَلَاثُونَ بِنْتِ مَخَاضٍ، وَثَلَاثُونَ بِنْتِ لَبُونٍ، وَثَلَاثُونَ حِقَّةً، وَعَشْرَةُ بَنِي لَبُونٍ ذَكَرَ "

Daripada 'Abdullah Ibn 'Amr رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah memutuskan bahawa barangsiapa yang terbunuh secara tersalah, maka diyatnya adalah seratus ekor unta: tiga puluh bint makhad, tiga puluh bint labun, tiga puluh hiqqah dan sepuluh bani labun jantan.”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 4541 [Lafaz di atas].

Nota: Diyat:

sejumlah harta atau wang yang wajib dibayar oleh penjenayah kepada wali atau ahli waris mangsanya sebagai pampasan disebabkan melakukan sesuatu jenayah yang melibatkan nyawa (kematian) atau kehilangan akal atau kecederaan anggota-anggota badan atau kehilangan fungsi anggota-anggota tersebut.

40.2 al-Qatl Shihh al-‘Amd: Diyat Mughallazah dan Kaffarah

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنه أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:
((عَقْلُ شِبْهِ الْعَمْدِ مُغَلَّظٌ مِثْلُ عَقْلِ الْعَمْدِ وَلَا يُقْتَلُ صَاحِبُهُ))

Daripada ‘Abdullah Ibn ‘Amr رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

“Tanggungannya ke atas pembunuhan yang menyerupai pembunuhan sengaja adalah berat (mughallaz) seperti pembunuhan sengaja tetapi pelakunya tidak dihukum bunuh.”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 4565 [Lafaz di atas].

Nota:

Diyat Mughallazah dan Mukhaffafah Serta Kadarnya

Bil.	Jenis Diyat	Kadar Diyat
1	Mughallazah	<p>100 ekor unta yang terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 30 ekor unta <i>hiqqah</i> (berumur 3 tahun masuk tahun ke 4) 2. 30 ekor unta <i>jadha 'ah</i> (berumur 4 tahun masuk tahun ke 5) 3. 40 ekor unta <i>khalifah</i> (yang sedang bunting) <p>ATAU</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 25 ekor unta <i>bint makhad</i> (unta yang berumur 1 tahun, masuk tahun ke 2) 2. 25 ekor unta <i>bint labun</i> (unta yang berumur 2 tahun, masuk tahun ke 3) 3. 25 ekor unta <i>hiqqah</i> (unta yang berumur 3 tahun, masuk tahun ke 4) 4. 25 ekor unta <i>jadha 'ah</i> (unta yang berumur 4 tahun, masuk tahun ke 5)
2	Mukhaffafah	<p>100 ekor unta yang terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 20 ekor unta <i>jadha 'ah</i> (unta yang berumur 4 tahun, masuk tahun ke 5) 2. 20 ekor unta <i>hiqqah</i> (unta yang berumur 3 tahun, masuk tahun ke 4) 3. 20 ekor unta <i>bint labun</i> (unta yang berumur 2 tahun, masuk tahun ke 3) 4. 20 ekor unta <i>ibn labun</i> (unta yang berumur 2 tahun, masuk tahun ke 3) 5. 20 ekor unta <i>bint makhad</i> (unta yang berumur 1 tahun, masuk tahun ke 2)

Sumber: (Abdullah et al., 2012 - Diyat dalam Perundangan Islam)

PENUTUP

Penyusunan ibadah harta menurut hadith-hadith Rasulullah ﷺ yang disusun di dalam kitab ini bukanlah memberi maksud *exhaustive* atau *exclusive*, tetapi ia hanyalah merangkumi sebahagian daripada bentuk-bentuk ibadat harta yang dianjurkan di dalam Islam. Di sana terdapat banyak lagi hadith-hadith Rasulullah ﷺ yang boleh dikaitkan dengan ibadah harta di dalam Islam tetapi tidak dimuatkan di dalam buku ini.

Penulis amat berharap agar para pembaca dan mereka yang mempelajari kitab ini daripada penulis secara *talaqqi* dapat menghargai dan mensyukuri nikmat kurniaan harta daripada Allah ﷻ dan seterusnya menjadikan harta sebagai alat bagi mendapatkan keredaan Allah ﷻ, mengikut Sunnah RasulNya dan mendapat kedudukan dan anugerah yang tinggi di Akhirat kelak.

Jadikanlah harta sebagai nikmat yang mendekatkan diri kita kepada Allah dan RasulNya, dan bukanlah sebab kecelakaan dan kesengsaraan kita khususnya di Akhirat nanti.

وَاللَّهُ وَلِيُّ التَّوْفِيقِ

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

IJAZAH PENGAJIAN KITAB⁶

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah. Selawat dan salam buat Rasulullah ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ.

Saya mengijazahkan saudara/saudari/Tuan/Puan:

.....

bagi pembacaan dan pengajian kitab “40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta”.

Saya juga menasihati beliau agar sentiasa berpegang dengan manhaj Ahli Sunnah dan Jama’ah yang menjadi pegangan majoriti ulama’ umat Islam sejak dahulu sehingga kini. Dan saya berpesan agar beliau tidak melupai saya serta ibu dapa dan guru-guru saya di dalam doa-doa beliau.

Yang benar,

.....

al-Faqir ila Allah al-Ghani al-Hamid/ Khuwaydim wa Talib al-‘Ilm

Abdullaah Bin Jalil Bin Omar (غفر الله له ولوالديه)

Tarikh:

⁶ Buat mereka yang menghadiri majlis pengajian secara *talaqqi* bersama penulis.

BIBLOGRAFI

- 'Abd Ibn Humayd (249H). *Musnad 'Abd Ibn Humayd*. al-Qahirah: Maktabat al-Sunnah.
- Abdullah, Muhammad Najib, Hashim, Hasnizam, Yusof, Nabilah, Shukor, Haliza A., Chiang, Norman Zakiyy Chow Jen T, & Khan, Intan Nadia Ghulam (2012). *Diyat dalam Perundangan Islam*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Abu 'Awanah, Ya'qub Ishaq (316H). (1998). *Mustakhraj Abi 'Awanah*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī (204H). *Musnad Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī*. Misr: Dar Hijr li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī (275H). (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Nu'aym al-Asbahani (430H). (1996M/1417H). *al-Musnad al-Mustakhraj 'ala Sahih Muslim*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Nu'aym al-Asbahānī (430H). (1409H). *Hilyat al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'* (Vol. 10). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Ya'lā al-Mawṣilī (307H). (1992). *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*. Dimashq - Bayrūt: al-Thaqāfah al-'Arabiyyah.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal (241H). (1995). *al-Musnad*. 'Ammān: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Baghawi, al-Husayn Mas'ud (516H). *Sharh al-Sunnah*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn (458H). (1420H). *al-Madkhal ila al-Sunan al-Kubra*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Adwa' al-Salaf.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn (458H). *Shu'ab al-Imān*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn (458H). (2000). *al-Sunan al-Kubrā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn (458H). (2001). *Ma'rifat al-Sunan wa al-Athār*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Bazzār, Abū Bakr (292H). (1997). *al-Baḥr al-Zakḥkhār bi Musnad al-Bazzār*. al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabat al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā‘īl (256H). (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. al-Riyād: Dar al-Salām.
- al-Būṣīrī (840H). (1998). *Ithāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-‘Asharah*. al-Riyad: al-Rushd.
- al-Dārimī, ‘Abdullāh ‘Abdurrahmān (255H). (2000). *Sunan al-Dārimī*. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Dāruqutnī, ‘Alī ‘Umar (385H). (2004). *Sunan al-Dāruqutnī*. Bayrūt: Mu‘assasat al-Risālah.
- al-Diyā’ al-Maqdisī (643H). *al-Aḥādīth al-Mukhtārah*. al-Sa‘udiyyah: ‘Abd al-Malik Dahish.
- al-Ḥakim, Ibn al-Bayyi‘ al-Naysabūrī (405H). (1990). *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn (807H). (1979). *Kashf al-Astār ‘an Zawā'id al-Bazzār*. Bayrūt: Mu‘assasat al-Risālah.
- al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad ‘Ali (463H). (2001). *Tarikh Baghdad*. Bayrut: al-Gharb al-Islami.
- al-Marwazi, al-Husayn Harb (246H). *al-Birr wa al-Silah*. al-Riyad: Dar al-Watan.
- al-Mizzi, Yusuf (742H). (2002). *Tahdhib al-Kamal*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Nasā‘ī, Aḥmad Shu‘ayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Nasā‘ī, Aḥmad Shu‘ayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan*. Ḥalab: Maktab al-Matbū‘āt al-Islāmiyyah.
- al-Nawawi, Yahya Sharaf (676H). (1999). *al-Minhaj: Sharh sahih Muslim Ibn al-Hajjaj*. Bayrut: Dar al-Ma‘rifah.
- al-Rūyānī, Abū Bakr (307H). (1416H). *Musnad al-Rūyānī*. al-Qāhirah: Mu‘assasat Qurṭubah.
- al-Shihāb al-Qudā‘ī (454H). (1986). *Musnad al-Shihāb*. Bayrut: al-Risalah.


- al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *al-Muʿjam al-Awṣaṭ*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *al-Muʿjam al-Kabīr*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulūm wa al-Hikam.
- al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *Musnad al-Shāmiyyīn*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Tahawī (321H). *Sharh Ma'ani al-Athar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhī, Muḥammad 'Isā (279H). *al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. al-Riyād: Maktabat al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf Abdullah (463H). *al-Tamhid*. al-Maghrib: Wizarat 'Umum al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf Abdullah (463H). (1993). *al-Istidhkar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Abi al-Dunya (281H). *al-'Iyal*. Misr: Dar Ibn al-Qayyim.
- Ibn al-Jawzi, Abdurrahman Ali (597H). (1996). *al-Birr wa al-Silah*. Misr: al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Ibn 'Asākir, Ali Hasan (571H). (1998). *Tārīkh Dimashq*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad 'Alī (852H). (1998). *al-Maṭālib al-'Āliyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamāniyah*. al-'Āsimah al-Ghayth: al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah.
- Ibn Hazm al-Zahiri (456H). *al-Muhalla bi al-Athar*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad (354H). (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- Ibn Khuzaymah (311H). *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī (273H). (2010). *Sunan Ibn Mājah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah*.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, Abdullah Ahmad (620H). (1968). *al-Mughni*. al-Qahirah: Maktabat al-Qahirah.
- Ibn Quṭlūbaghā al-Sūdūnī al-Ḥanafī, Zayn al-Din Qasim al-Jamali (879H). *Musnad 'Uqbah Ibn 'Āmir: Jawami' al-Kalim*.
- Ibn Wahb, Abdullah (197H). *al-Jami' fi al-Hadith*. al-Riyad: Dar Ibn al-Jawzi.

- Malik, Ibn Anas al-Madani (179H). *al-Muwatta' - Riwayat Yahya al-Laythi*. Misr: Dar al-Sha'b.
- Malik, Ibn Anas al-Madani (179H). (1998). *al-Mudawwanah al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj (261H). *al-Jami' al-Sahih / Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al'Arabi.
- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj (261H). (2006). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim*. al-Riyāḍ: Dār Ṭaybah.

**LAMPIRAN I: DOA [NAZAM] PENUTUP MAJLIS
ILMU**

بِأَنَّا اقْتَرَفْنَا	يَا رَبَّنَا اغْتَرَفْنَا
عَلَى لَظَى أَشْرَفْنَا	وَأَنَّا أَشْرَفْنَا
تَغْسِلُ لِكُلِّ حَوْبَةٍ	فَتُبِّ عَلَيْنَا تَوْبَةٍ
وَأَمِنِ الرَّوْعَاتِ	وَاسْتُرْنَا لَنَا الْعَوْرَاتِ
رَبِّ وَمَوْلُودِينَا	وَاعْفِرْ لَوَالِدِينَا
وَسَائِرِ الْخِلَانِ	وَالْأَلِ (وَالْأَهْلِ) وَالْإِخْوَانِ
أَوْ جِيرَةٍ أَوْ صُحْبَةٍ	وَكَوَلِّ ذِي مَحَبَّةٍ
أَمِينِ رَبِّ اسْمَعِ	وَالْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِ
لَا بِاِحْتِسَابِ مِنَّا	فَضْلًا وَجُودًا مِنَّا
نَحْطِي بِكُلِّ سُؤْلِ	بِالْمُصْطَفَى الرَّسُولِ
عَلَيْهِ عَدَّ الْحَبِّ	صَلَّى وَسَلَّمْ رَبِّي
عِدَادَ طَشِّ السُّحْبِ	وَالِهِ وَالصَّحْبِ
فِي الْبَدْءِ وَالْتَّأْهِ	وَالْحَمْدُ لِلَّهِ

[Bekal Akhirat – Sheikh Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari al-Nadwi al-Maliki]





Abdullaah Jalil

- Pensyarah Kanan. Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pendidikan

- 1993-1995: Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang. PMR & SRA (*Mumtāz*)
- 1996-1997: Kolej Islam Sultan Alam Shah. SPM & SKK (*Mumtāz*).
- 2001: Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan. (Kelas Pertama / *Mumtāz*).
- 2004: MBA (Perbankan dan Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. – (Anugerah Pelajar Terbaik Program).
- 2019: PhD Kewangan Islam, INCEIF, Kuala Lumpur.

Industri

- Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Prudential BSN Takaful
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Bank Rakyat.
- Ahli Jawatankuasa Panel Syariah (JPS) USIM
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Koperasi Kakitangan USIM
- Ahli Panel Penyelidik Fatwa Negeri Sembilan
- Anugerah "Friends of the Police" 2012
- Ahli Panel Deradikalisasi, Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (KDN)

WISDOM
PUBLICATION